

SENTUL

MRS

ORA ET LABORA

THE SENTINEL '89

With compliments from:



SURIA PEMBEKAL UMUM SDN. BHD.

25, Jalan SG1/6, Seri Gombak Commercial Centre,
Jalan Batu Caves, Selangor.

Tel: 03-675106
03-672250

Tlx: MA 31099 "SUPES"
Cable: Supes

MAIN AGENTS AND STOKISTS

BUCKLEY	Clinical and laboratory thermometers (JAPAN)
EP	Educational wallcharts and filmstrips (U.K.)
ESA	Educational teaching material (U.K.)
HODSON	Optical kit (AUSTRALIA)
KIMAX	Laboratory borosilicate glassware (U.S.A.)
EDM	Kyoritsu Electrical meters (JAPAN)
MARIS	Laboratory equipment (JAPAN)
HANAWA	Laboratory chemicals (JAPAN)
RDH	Laboratory chemicals (GERMANY)
SYRAX	Laboratory glassware (TAIWAN)
UCHIDA	Laboratory microscopes and micro-projectors (JAPAN)





MESSAGES FROM:–

1. *Datuk Mohd. Hussein Bin Ahmad,*
   Pengarah Pelajaran, Wilayah Persekutuan.
2. *Mr. DR. Daniel,*
   Education Secretary, Methodist Schools, Malaysia
3. *Mr. K. Pandian*
   Chairman Board of Governors.
4. *Mr. P. Venugopal,*
   President Sentul MBS OBA.
5. *En. Awaludin Bin Abd. Manap.*
6. *Guru Besar.*
7. *Ketua Pengawas*

KANDUNGAN

KATA–KATA ALUAN	*3*
DARI LIDAH PENGARANG	*10*
GAMBAR GURU–GURU SEKOLAH 1984	*12*
SENARAI NAMA GURU–GURU 1984	*14*
CATATAN SEKOLAH	*16*
HARI GURU	*18*
HARI UCAPAN DAN PENYAMPAIAN HADIAH ...	*21*
ANALISA KEPUTUSAN PEPERIKSAAN SPM 1983 ...	*23*
LAPORAN KELAB DAN PERSATUAN	*24*
SUKAN	*48*
BAHASA MALAYSIA	*66*
BAHASA INGGERIS	*81*
BAHASA CINA	*93*
KELAS 1984	*96*



KATA–KATA ALUAN

Saya dahului dengan mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Sidang Pengarang yang telah memberikan saya peluang untuk menyampaikan kata-kata aluan dalam Majalah tahunan 'The Sentinel' sekolah ini.

Saya merasa bangga dengan prestasi kejayaan akademik sekolah ini yang telah ditunjukkannya pada tahun 1983 yang lalu. Saya diberitahu bahawa dalam peperiksaan SRP dan SPM sekolah ini telah mencapai kelulusan 65%. Ini amatlah menggalakkan.

Walaupun sekolah ini dalam keadaan kekurangan bilik darjah, peralatan sains dan kelengkapan yang lain, namun prestasi akademik membuktikan adanya kesungguhan oleh semua pihak – ibubapa, murid dan guru–bagi mempertinggikan mutu akademik sekolah ini. Saya berharap, pihak sekolah ini meningkatkan lagi usahanya bagi memajukan mutu pengajaran dan pembelajarannya.

Saya ingin memberikan pujian kepada pihak PIBG sekolah ini yang telah menjalankan peranannya dengan memberikan sumbangan dan bantuan yang diperlukan oleh pihak sekolah. Hubungan erat dan kerjasama yang wujud di antara PIBG dengan sekolah ini hendaklah diteruskan agar dapat mempertinggikan lagi kemajuan sekolah ini dalam semua bidang.

Akhirnya, saya ingin mengucapkan kepada semua pihak, selamat maju jaya dalam segala usaha yang dijalankan.

Yang Ikhlas,

(DATUK MOHD. HUSSEIN BIN AHMAD)
Pengarah Pelajaran,
Wilayah Persekutuan



MESSAGE FROM EDUCATION SECRETARY
D.R. DANIEL

It is indeed a pleasure for me to have been invited to send you a brief message for inclusion in your school magazine.

During the past two months, the Board of Education organized two Regional Seminars on Human Resource Development & Identity in Kuala Lumpur (Selangor & Negri Sembilan) and in Malacca, to see how our Methodist Schools can provide the best in education in its broadest sense to the pupils who are entrusted to our care and to maintain the character and traditions of our schools.

It is our purpose in our schools to provide quality education in an atmosphere conducive to the preservation of our identity, sense of values and character development. It is imperative, therefore, that the attitude of Heads, teachers and pupils of our school, should be such that there is no discrimination whatsoever in their relationship with one another on the basis of their race, religion or economic status. Our Deputy Prime Minister, Datuk Musa Hitam, in a recent statement was concerned about the polarisation amongst the young people of our nation on the basis of race. Traditionally, this has not been so in our schools. From their inception, our schools have maintained an excellent record of providing the nurture and training to all pupils irrespective of ethnic origin towards service to the nation and to their fellowmen.


Today, while we teach moral educaiton, we must be consistent in the practise of the moral values in all relationships between the Heads, teachers, pupils and parents, and in all stages of school life, in the classroom, in the play field, in school activities, within the school and outside. Teachers have a vital role to play in the inculcation of these values towards character building. They have to show love and concern for all their pupils. They must practice what they teach, being consistent in their attitudes and actions.

Opportunities must be given to pupils to express their care and concern for those who are less fortunate through the various activities and programmes of school, and teachers must help them to develop to their highest potential. This is one of the important aspects of the identity in our Methodist Schools.

EDUCATION

"Education consists in preparing the moral character of a child, in teaching him the few fundamental and invariable principles accepted in all the countries of the world. It consists in giving him, from tenderest childhood, the notion of human dignity..... Education directs his actions, inspires his behaviour in all his contacts with mankind, and helps him to master himself.....Education gives him the unalterable foundations of his life."

(D.R. DANIEL, AMN)
Education Secretary
Methodist Schools West Malaysia.



MESSAGE FROM CHAIRMAN BOARD OF GOVERNORS

It gives me great pleasure to write a few lines for the issue of the school magazine "The Sentinel 1984".


The members of the Board of Governors have received good reports of the performance of the pupils and of the sports activities. We are proud indeed of the achievements of the school. We fervently believe that the school will move towards this direction as its goal.

Another notable activity in our school is the programmes of the Old Boys and Parent Teachers' Associations. I wish to congratulate them for their active participation and hope that they will continue to support the projects of the school in future years.

Lastly, on behalf of the members of the Board of Governors, I wish the Principal and his dedicated staff and the pupils many more yars of successful and excellent results.

My personal regards and prayers.

Mr. K. Pandian
Chariman Board of Governors



MESSAGE FROM MR. P. VENUGOPAL, K.M.N.
PRESIDEN, OLD BOYS ASSOCIATION.

It is a pleasure once again for me to write a few words for the School Magazine.

The OBA continues to enjoy cordial relationships with the School and maintains a close interest in the activities of the School and its students. We have participated together in several activities out of our common love for the School. On its past the OBA has continued to present awards to students with the aim of motivating them to higher levels of achievement and excellence in studies as well as in games.

In a world that is increasingly made up of youths filled with youthful vitality, energy and exuberance and seeking outlets for expression, it becomes naturally the task of the School to respond positively to such challenges and channel the energies of its students towards wholesome and healthy activities. The students must, on their part, always be mindful of their responsibilies and utilise their energies and abilities in the right way by not letting any undesirable activity from interfering with their pursuit of their goal of passing out from School with flying colours.

The OBA will also rise up to meet the challenges of the situation and offer any assistance that might be needed.

On behalf of the OBA I wish you every success.

P. Venugopal

(P. VENUGOPAL)
President,
Sentul MBS OBA



KATA–KATA ALUAN DARIPADA YANG DIPERTUA PIBG

Tahun 1984, adalah merupakan tahun yang banyak bersejarah kepada rakyat Malaysia. Demikian jualah satu sejarah lagi yang diperolehi oleh sekolah ini, di mana guru-guru dan murid-murid sekolah ini telah berganding bahu untuk menjayakan terbitan 'Majalah Tahunan' iaitu 'THE SENTINEL' 1984. Saya mengambil kesempatan di ruangan ini untuk merakamkan 'Tahniah' dan' 'Syabas' kepada mereka yang telah melibatkan diri secara langsung atau tidak langsung.

Dengan terbitnya majalah ini sekali lagi membuktikan kebolehan murid-murid. Sekolah ini sentiasa aktif dalam bidang aktiviti di sekolah, sukan, pelajaran dan kerja-kerja kebajikan. Selain dari itu, majalah ini juga dapat mengungkil bakat-bakat murid yang menyumbangkan artikel-artikel yang mana dianggapkan satu pencapaian yang begitu tinggi.

Bagi pihak PIBG pula saya sentiasa akan memberi kerjasama dan bersedia untuk menyumbangkan bakti demi untuk kepentingan dan kemajuan sekolah ini;

Mengenai pencapaian kelulusan yang tinggi dan taraf berdisiplin anak-anak kita di sekolah, pihak ibu bapa atau penjaga hendaklah menitikberatkan tanggungjawab mereka dan memberi bantuan yang sewajarnya kepada guru-guru serta meneliti kerja-kerja sekolah anak-anak mereka dari masa ke semasa. Yang amat penting ialah supaya anak-anak kita selalu diawasi agar TIDAK melibatkan diri dengan DADAH.

Selanjutnya sekali lagi saya mengucapkan tahniah kepada guru-guru khasnya mereka yang telah memberi bimbingan kepada anak-anak kita sehingga mendapat kejayaan yang memuaskan dalam peperiksaan SRP dan SPM pada tahun lalu;

Kepada murid-murid yang telah berjaya diharapkan terus maju dan berjaya.

AWALUDIN BIN ABD. MANAP



PERUTUSAN GURU BESAR

Sekali lagi saya berasa bangga kerana menulis perutusan untuk suatu lagi lambaran 'Sentinel'. Sekarang kita berada di bahagian kedua tahun ini dan nampaknya tahun ini juga akan merupakan suatu tahun yang penuh dengan kemajuan dan pencapaian bagi sekolah kita MBS Sentul, walaupun sekolah ini masih menghadapi banyak masalah dan kerumitan.

Percapaian yang cemerlang dalam peperiksaan SRP dan SPM berterusan. Dalam peperiksaan SRP sekolah kita mencapai 67.4 peratus kelulusan manakala dalam peperiksaan SPM peratus pencapaian ialah 65%, meningkat sebanyak 8% jika dibandingkan dengan tahun lepas. Keputusan seperti ini agak memuaskan guru-guru yang bertungkus lumus mengajar tahun demi tahun. Ucapan syabas kepada guru-guru dan murid-murid. Walau bagaimanapun kita tidak harus berlega dan berehat atas kebanggan pencapaian ini, kita harus terus berusaha dan mengembelingkan tenaga untuk mencapai kejayaan yang lebih baik pada masa hadapan.

Dalam bidang sukan juga pencapaian kita agak membanggakan. Pada peringkat MSSWP bahagian olahraga dua orang murid kita iaitu K. Gopinathan dan Shahrul Nazri telah memenangi pingat emas masing-masing dalam acara 1500 dan Lempar cakra kelas II. Ucapan syabas kepada kamu berdua. Pasukan lari berganti-ganti lebih raya sekolah kita mencapai kejayaan yang cemerlang apabila memenangi Piala Pusingan Dato Bandar dalam acara Lari Berganti-ganti Lebuh Raya bagi Sekolah-Sekolah Wilayah Persekutuan. Pasukan Sepak Takraw kita muncul sebagai Johan Daerah Sentul dan pada masa ini bertarung di peringkat antara Zon MSSWP. Harus juga disebut di sini bahawa Ng Seng Mun, seorang murid Tingkatan Empat telah dipilih untuk mewakili negara dalam acara Squash bahagian Junior.

Saya berasa bangga kerana meskipun bangunan sekolah dalam keadaan buruk, masalah kekurangan guru dan masalah-masalah sepertinya yang sentiasa timbul, sekolah ini masih menunjukkan kemajuan yang pesat. Ini, dengan nyata menunjukkan bahawa dedikasi dan gigih akan membawa keuntungan. Maka murid-murid, jika anda memerlukan sesuatu dan sedia berusaha dengan sepenuh tumpuan anda akan berjaya.

Kepada murid-murid yang akan menghadapi peperiksaan SRP dan SPM, tidak lama lagi, saya mengucapkan selamat maju jaya dan kepada semua yang akan meninggalkan kami saya ucapkan segala kebahagian dan kejayaan dalam semua usaha kamu.

Sebelum mengakhiri, saya ingin sampaikan ucapan terima kasih saya kepada ahli-ahli Sidang Pengarang Majalah 'Sentinel' kerana menghasilkan sebuah lagi terbitan Sentinel yang agak menarik ini.

'Ora et Labora'

.....

Clarence Patrick Wijasuriya
Guru Besar
MBS Sentul



PERUTUSAN DARI KETUA PENGAWAS 1983/84

Nampaknya masa berlalu dengan cepat. Hari beganti hari, minggu berganti-minggu, bulan berganti bulan di mana, tidak lama lagi, terpaksalah saya meninggalkan sekolah yang penuh dengan kenangan ini.

Disepanjang sebelas tahun di sekolah ini telah saya alami detik-detik yang manis dan pahit. Disamping itu tidak kurang juga masalah-masalah rumit tetapi kita harus berani menghadapinya sebagai suatu cabaran yang harus ditempuh. Walaubagaimanapun saya dapat juga memikul tanggungjawab dan mandat yang diamanahkan kepada saya sebagai Ketua Pengawas dengan sedaya upaya boleh disamping, tunjuk ajar serta sokongan yang tidak ternilai dari guru besar Encik C.P. Wijasuriya dan Encik James Amoz, selaku guru disiplin. Sungguhpun begitu segala tanggungjawab ini akan menjadi pengalaman dan kenangan manis kepada saya.

Setelah hampir setengah abad sejak penubuhannya, sekolah ini masih lagi berusaha melangkah dengan jayanya setapak untuk mencapai taraf yang lebih tinggi dan yang boleh dibanggakan. Ini amat jelas dengan taraf kejayaan akademik dan kesukanan yang telah dicapai oleh sekolah setakat ini. Tidak dapat dinafikan lagi bahawa kejayaan ini adalah hasil daya usaha pengetua, para guru dan penuntut penuntut yang berdedikasi, cekal dan tidak berputus asa untuk meninggikan imej sekolah yang disayangi ini.

Di samping itu juga taraf disiplin sekolah telah bertambah baik dengan adanya undang undang yang lebih ketat serta tegas dan juga beberapa pembaharuan yang telah dicapai oleh Lembaga Pengawas sekolah. Ini adalah perlu kerana disiplin dapat membentuk seorang individu menjadi produktif kepada negara.

Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada Guru Besar, Penolong Kanan, Guru Penasihat Lembaga Pengawas dan Guru-Guru, serta Lembaga Disiplin sekolah diatas didikan, bimbingan, sokongan moral dan pedoman yang telah mereka curahkan untuk memajukan sekolah ini dalam segala bidang sama ada dalam akademik ataupun kesukanan.

Sekian Terima kasih.
"Disiplin Membentuk Peribadi Mulia"

G. Premman
Ketua Pengawas 1983/84

DARI LIDAH PENGARANG.....

Tahun 1984 telah memperlihatkan Sekolah Menengah Methodist Sentul, maju setapak lagi kearah kemajuan dalam berbagai bidang, samada dalam bidang akademik mahupun dalam bidang sukan.

Perkara ini jelas terbukti dengan meningkatnya taraf pencapaian dalam bidang bidang ini, ke suatu peringkat yang sangat memuaskan dan membanggakan daripada tahun tahun yang lepas.

Contohnya dalam bidang akademik keputusan keputusan yang di capai oleh murid- murid sangat membanggakan. Dalam bidang sukan pula, pasukan olahraga sekolah kami, mendapat kejayaan, diantaranya memenangi sebuah komputer dalam acara marathon. Aliph Derby. Jelas disini bahawa motif setiap penuntut sekolah kami ialah untuk meninggikan dan mengharumkan nama sekolah ini. Sikap penuntut penuntut sekolah kami yang sentiasa berusaha mencapai setinggi tinggi kemajuan patut diteladani.

Penerbitan ke–35 majalah sekolah ini merupakan penerbitan yang keempat dalam bahasa kebangsaan kita. Usaha yang giat telah di buat oleh guru-gruu serta ahli ahli Lembaga Sidang Pengarang dari masa ke semasa untuk menterjemahkan isi isi kandungan dalam majalah ini dan menyampaikannya dengan cara terbaik sekali. The Sentinel merupakan nama yang paling sesuai dan tepat sekali bagi melambangkan kemegahan dan pencapaian sekolah ini pada keseluruhannya.

Kami mengucapkan ribuan terima kasih kepada guru guru penasihat ini yang tidak kurang sumbangan mereka terhadap menjayakan majalah yang penuh bererti ini. Akhir sekali sekalung tahniah daripada kami kepada para guru yangttelah mencurahkan kasih sayang dan sumbangan mereka terhadap setiap penuntut. Guru guru ibarat dian yang membakar diri guna menyinari alam sejagat. Kepada penuntut penuntut yang akan meninggalkan sekolah ini kelak kami ucapkan "Selamat Maju Jaya".

Sekian Selamat Membaca.

Dari Meja Pengarang.



En. A.F. Devadass	2 Omega	S.C.C.T.
En. Kwok Yan Chee	3 Ferrum	S.C. R.T.C.
En. Chan Chee Man	2 Teta	S.C. R.T.C.
En. Arumugasamy Thambyrajah	3 Teta	S.P.M. C.T.
En. Bustam Kamri	1 Alfa	M.C.E. C.T.
En. Gerard Anthuan Benedict	3 Gamma	M.C.E. C.T.
Cik Lourdu Mary Raj	2 Ferrum	S.C. R.T.C.
En, Mohd. Shariel Abd. Samat		S.P.V.M. C.T.
En. Mohd. Noor Hasan	Peralihan 3	M.C.E. C.T.
En. Johari Ahmad	2 Lambda	M.C.E. C.T.
Cik Rosita Hamzah	1 Ferrum	M.C.E. C.T.
Pn. Melor bt Othman	2 Aurrum	S.P.M. C.T.
En. Mohd. Angsar Misnan	2 Delta	S.P.M. C.T.
En. Velupillay (Bertukar Mulai 1hb Jun)		S.C. C.T.
En. Cheang King Ting		S.C. T.T.T.C.
En. S. Poovandendiraraj		S.C. T.T.T.C.
Pn. Tee Bua Bian		S.C. C.T.
En. Selvaraj	1 Teta	S.C. R.T.C.
En. Ahmad Kamal Ismail		S.T. C.C.T.
En. Rama Rao	3 Delta	S.T.P. C.T.
En. Mansor Mat Isa	Peralihan 1	S.T.P. C.T.
En. Ahmad Kamal Abd. Kadir	3 Alfa	S.P.M. C.T.
Cik Sarifah Mohd. Desa	1 Aurrum	S.P.M. C.T.
En. Masuri Hj. Abu Suhut	2 Gamma	S.P.M. C.T.
En. Salasun Naim Mohd. Zain	2 Stanum	S.P.M. C.T.
En. Mohamad Yamin Suki		S.P.M. C.T.

With Best Compliments
From

IMAGE INDUSTRIAL DETERGENT SUPPLIERS

CATATAN SEKOLAH

30hb. Disember '83	:	Mesyuarat guru-guru diadakan
3hb. Januari '84	:	Sekolah dibuka bagi tahun 1984 – Penggal pertama bermula.
23hb. Januari '84	:	Pertandingan Sepak Takraw dan Bola Keranjang di antara Rumah-rumah (Sessi Pagi) diadakan dan diteruskan sehingga 27hb Januari '84.
1hb Februari '84	:	Cuti am Wilayah Persekutuan sempena Hari Wilayah Persekutuan.
2hb. Februari '84	:	2 hari cuti am sekolah sempena Perayaan Tahun Baru Cina.
7hb. Februari '84	:	Kejohanan Bola Tampar MSSWP Zon Sentul. (Bahagian Lelaki dan Perempuan umur 15 dan 18 tahun) mulai hari ini sehingga 20hb. Februari '84.
18hb. Februari '84	:	Perlumbaan Lari Berganti-ganti Lebuh Raya di antara Rumah-rumah diadakan.
22hb. Februari '84	:	Kejohanan Bola Tampar MSSWP. (Bahagian Lelaki dan Perempuan umur 18 tahun) mulai hari ini hingga 1hb. Mac '84.
15hb. Mac '84	:	Temasya Sukan Tahunan Sekolah yang ke-38 diadakan di Stadium Merdeka.
20hb. Mac '84	:	Pertandingan Sepak Takraw diantara Rumah-rumah (Sessi Petang) diadakan sehingga 23hb. Mac '84.
20hb. Mac '84	:	Pertandingan Ping Pong dan Catur diantara Rumah-rumah (Sessi Petang) diadakan sehingga 23hb. Mac '84.
26hb. Mac '84	:	Pertandingan Bola Keranjang diantara Rumah-rumah (Sessi Petang) diadakan sehingga 28hb. Mac '84.
29hb. Mac '84	:	Pertandingan Ping Pong berpasukan antara Rumah-rumah (Sessi Petang) diadakan sehingga 2hb. April '84.
2hb. April '84	:	Pertandingan Tennis antara Rumah-rumah. (sessi pagi diadakan sehingga 5hb. April '84)
3hb. April '84	:	Pertandingan Ping Pong Perseorangan Terbuka (Sessi Petang) diadakan.
5hb. April '84	:	Pertandingan Ping Pong-Bergu Terbuka (Sessi Petang) diadakan.
6hb. April '84	:	Cuti Penggal Pertama - bermula.
23hb. April '84	:	Sekolah di buka untuk Penggal Kedua.
1hb. Mei '84	:	Cuti Am sekolah sempena Hari Pekerja.
3hb. Mei '84	:	Kejohanan Ping Pong MSSWP Zon Sentul diadakan di Dewan Sekolah dan diteruskan sehingga 4hb. Mei '84.
9hb. Mei '84	:	Perlawanan Bulu Tangkis diantara rumah-rumah sessi pagi dan diteruskan sehingga 21hb. Mei '84.
15hb. Mei '84	:	Cuti am sekolah sempena Hari Wesak.
16hb. Mei '84	:	Perlawanan Bola Sepak diantara rumah-rumah sessi pagi dan diteruskan sehingga 22hb. Mei '84.
19hb. Mei '84	:	Hari Guru.
24hb. Mei. '84	:	Peperiksaan Percubaan Pertama dimulakan dan diteruskan hingga 5hb. Jun '84.
1hb. Jun '84	:	Bulan Puasa bermula bagi umat Islam. Dengan itu masa sessi-sessi persekolahan telah dipendekkan. Bagi sessi pagi waktu sekolah tamat pada 12.45 tengahari sementara bagi sessi petang pula tamat pada 5.45 petang.
6hb. Jun '84	:	Cuti am sekolah sempena Hari Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Agung.

11hb. Jun '84	:	"Minggu Penegasan Ugama" (Religious Emphasis Week) mulai hari ini hingga 13hb. Jun '84.
12hb. Jun '84	:	Kejohanan Bulu Tangkis Terbuka Sekolah dan diteruskan sehingga 23hb. Jun '84.
18hb. Jun '84	:	Perlawanan Tennis perseorangan dan bergu terbuka sekolah dan diteruskan sehingga 22hb. Jun '84.
29hb. Jun '84	:	Cuti am sekolah sempena Hari Raya Puasa sehingga 3hb. Julai '84.
16hb. Julai '84	:	Perlawanan Bola Tampar dan Carroms diantara rumah-rumah sessi pagi dan diteruskan sehingga 19hb. Julai '84.
23hb. Julai '84	:	Ujian Lisan Bahasa Malaysia SPM dimulakan hari ini dan diteruskan hingga 31hb. Julai '84.
27hb. Julai '84	:	Cuti Penggal Kedua Bermula.
13hb. Ogos '84	:	Sekolah dibuka untuk Penggal Ketiga.
20hb. Ogos '84	:	Perlawanan Hoki diantara rumah-rumah sessi pagi dan diteruskan sehingga 24hb. Ogos '84.
22hb. Ogos '84	:	Hari Ucapan dan Penyampaian Hadiah.
30hb. Ogos '84	:	Peperiksaan Percubaan SPM untuk Tingkatan 5 bermula hari ini sehingga 11hb. September dan disambungkan semula pada 17hb September '84 hingga 18hb September '84.
31hb. Ogos '84	:	Cuti am sekolah sempena Hari Kebangsaan.
3hb. September '84	:	Peperiksaan Percubaan SRP untuk Tingkatan 3 bermula hari ini sehingga 10hb. Sept. '84.
6hb. September '84	:	Cuti am sekolah sempena Hari Raya Haji.
11hb. September '84	:	Ujian Lisan Bahasa Inggeris SPM bermula hari ini dan diteruskan sehingga 22hb. Sept. '84.
26hb September '84	:	Cuti am sempena Awal Muharram.
9hb. Oktober '84	:	Peperiksaan Sijil Rendah Pelajaran bermula pada hari ini dan diteruskan sehingga 19hb. Oktober '84.
16hb. Oktober '84	:	Peperiksaan Amali Sains S.P.M. bermula hari ini.
22hb. Oktober '84	:	Peperiksaan Akhir Tahun untuk Tingkatan 4, Kelas Peralihan, Tingkatan 1 dan 2 bermula pada hari ini dan diteruskan sehingga 26hb. Oktober.
23hb. Oktober '84	:	Cuti am sekolah sempena Perayaan Deepavali.
6hb. November '84	:	Peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia bermula hari ini dan diteruskan sehingga 3hb. Disember '84.
9hb. November '84	:	Sekolah ditutup – Cuti Penggal Ketiga bermula.



Hari Guru

Pada 19hb Mei 1984, Sekolah Menengah Laki-Laki Methodist, Sentul, telah merayakan Hari Guru bagi guru-gurunya yang telah berkhidmat dengan penuh semangat dan dedikasi.

Perayaan dimulakan pada tepat pukul 8.00 pagi; Di antara para-para hadirin yang hadir ialah Tuan Guru Besar, En. C.P. Wijasuriya, Pengerusi P.I.B.G., guru-guru dan murid-murid sekolah.

Tuan Guru Besar telah memulakan perayaan dengan menyampaikan ucapannya dan diikuti oleh wakil P.I.B.G. dan Ketua Sekolah.

Selepasa upacara perasmian, pasukan pancaragam Briged Putera telah menunjukkan persembahan mereka. Pada hari tersebut, guru-guru wanita telah dihadiahkan dengan bunga ros sebagai tanda penghormatan murid-murid terhadap jasa-jasa mereka.

Pada pukul 10.00 pagi, acara-acara permainan antara guru-guru dan murid-murid dimulakan. Antara permainan-permainan yang dijalankan ialah bola tampar, bola-sepak dan karom.

Pada tepat pukul 11.10 pagi, sebuah konsert telah dipersembahkan. Murid-murid sekolah telah bergabung tenaga dan mempertunjukkan beberapa acara-acara menarik seperti tarian, nyanyian, komidi dan drama. Para hadirin terhibur dengan acara-acara yang telah disediakan;



SITO KOK HOONG
AVTAR S.

HARI GURU

Mula-mula.....er
Saya.....er
You see.....er
.....eh!.....Mana semua orang dah pergi?





...Boy!....DIAM!
rry.....Cikgu,
Sorry





Briged Putera menunjukkan cara yang betul untuk membuat "back walk".

lotong M.B.S.
ercita-cita nak
engambil alih
niddha Buddha





eksyen aja!.....masa lawan cabut mereka!

Penunyi-penyanyi MBS mendendangkan lagu Beat it.
.....
...dengan kesakitan







Oh!.....beromen di sekolah ya!




Sekumpulan penari Bhangra sedang melakukan breakdance India.













HARI UCAPAN DAN PENYAMPAIAN HADIAH

Pada hari ini 22hb. Ogos, 1984 sekolah kita telah tamat lebih awal dari biasa iaitu pada pukul 11.30 pagi kerana meraikan Hari Ucapan dan Penyampaian Hadiah.

Guru Besar Sekolah kita, Encik C.P. Wijayasuriya telah memulakan majlis ini dengan memberi ucapan bahawa dia sungguh bangga melihat kejayaan yang telah dicapai oleh sekolah ini disamping mengekalkan disiplin. Selepas ini, Presiden O.B.A. tampil ke hadapan dan memberi kata dua.

Kemudian murid-murid yang telah memunjukkan kejayaan yang cemerlang dalam bidang akademik telah diberi hadiah. Kebanyakkan hadiah diberi oleh Guru Besar lama sekolah ini iaitu Encik Zachariah. Victor Chin telah muncul sebagai pelajar terbaik dalam peperiksaan S.P.M., 1983 dan dia memenangi Pingat Arthur C. Lee.

Guru-guru yang mempunyai kehadiran seratus peratus juga tidak ketinggalan. Mereka semua diberi hadiah.

Avtar Singh
Sito Kok Hong

Genius is one percent inspiration, ninety nine percent perspiration.

Thomas Alva Edison.

SPEECH DAY



A/pornographic movie deal going on



Seriously Clarence, you've got to reconsider what I've just said





I wish he'd given me money instead





Penyeludupan dadah secara terbuka sedang dijalankan



Mrs. T. doing the head-spin



Hey Man, where's your tie? Left it..... .....this makes me look more like Michael Jackson



So who's gonna date her first?...

Tolong, Tolong! Jangan ambil gambar saya..... tolong!



ANALISA KEPUTUSAN PEPEPERIKSAAN S.P.M. 1983

BIL. MATAPELAJARAN	Lulus 1	2	3	4	5	6	7	8	Gagal 9	Tidak Hadir	Bil. Lulus	Bil. Ambil Pep.	%Lulus
1 B. Malaysia	–	1	25	10	14	32	58	51	31	1	191	223	85.6
2 B. Inggeris	8	29	58	9	15	39	22	19	23	1	199	223	89.2
3 Sejarah	–	–	4	–	5	10	9	10	71	3	38	112	33.9
4 I. Alam	–	–	7	7	13	26	39	40	89	1	132	222	59.5
5 Matematik	9	14	24	10	8	19	15	16	97	9	115	221	52.0
6 I. Hisab Tambahan	1	2	11	9	6	12	2	6	32	4	49	85	57.6
7 Fizik (Suk. Mal.)	1	5	19	5	7	22	13	9	6	1	81	88	92.0
8 Kimia (Suk. Mal)	2	6	8	7	7	16	6	10	23	1	62	86	72.1
9 K. Hayat (Suk. Mal.)	–	1	10	6	4	14	17	13	21	1	65	87	74.7
10 Lukisan	2	4	11	4	5	35	17	18	10	2	96	108	88.8
11 Ugama Islam	–	1	1	2	1	8	8	14	20	1	35	56	62.5
12 R. Sains	1	2	7	2	6	22	20	21	53	1	81	135	60.1
13 Perdagangan	1	1	5	1	1	10	18	17	36	1	54	91	59.3
14 Prinsip Akaun	2	2	1	1	2	9	4	5	27	7	26	60	43.3
15 Kesusasteraan Mel.	–	–	–	–	–	–	1	–	–	–	1	1	100
16 Bahasa Cina	–	1	–	–	1	1	–	1	1	–	4	5	80.0
17 Bahasa Tamil	–	–	–	–	–	–	–	2	–	–	2	2	100
18 K.H. Man. & Kemasy	–	1	–	–	1	–	3	8	26	1	12	39	30.8


Pangkat 1	Pangkat 2	Pangkat 3	Bil. Tidak Hadir	Bil. Lulus	Bil. Gagal	Bil. Ambil Pep.	%Lulus
22	53	70	1	145	77	222	65.0

ANALISA KEPUTUSAN PEPERIKSAAN S.R.P. 1983

BIL. MATAPELAJARAN	Lulus 1	2	3	4	5	6	7	8	Gagal 9	Tidak Hadir	Bil. Lulus	Bil. Ambil Pep.	%Lulus
1 B. Malaysia	3	14	43	25	23	45	70	53	61	12	276	339	81.9
2 B. Malaysia	38	23	36	9	9	29	43	59	91	12	246	339	73.0
3 Sejarah	24	13	39	16	21	26	62	58	78	12	259	339	76.8
4 I. Alam	18	13	32	10	9	32	57	74	91	13	245	338	72.9
5 I. Hisab	27	19	26	7	11	22	49	96	71	13	265	338	78.86
6 Sains Panduan	20	23	29	16	15	43	61	64	65	13	271	338	80.6
7 Ugama Islam	–	–	1	2	–	6	12	22	69	2	43	112	38.4
8 Lukisan	3	3	11	5	5	17	43	87	33	14	174	207	84.0
9 Seni Perusahaan	9	12	20	2	2	17	27	38	98	9	127	227	56.4
10 Perdagangan	1	1	7	2	3	1	14	20	63	3	49	5	43.7
11 B. Cina	–	–	1	–	–	–	2	–	2	–	3	8	60.0
12 B. Tamil	–	–	1	1	–	–	3	1	2	–	6	–	75.0
13 B. Punjabi	–	–	–	–	–	–	–	–	1	–	–		0

Pangkat A	Pangkat B	Pangkat C	Pangkat S	Pangkat X	Tidak Hadir	Bil. Ambil Pep.	%Lulus (Pangkat A + B)
187 55.5%	40 11.9%	3 0.89%	97 28.78%	10 2.96%	12 3.43	337	67.4

LAPORAN LEMBAGA PENGAWAS 1984



Duduk (dari kiri ke kanan: Joehari Jabbar (Pen. Bendahari), Kua Siah Poh (Bendahari), Premman G. (Ketua Pengawas), En. Robert Selvaratnam (Penolong Kanan), En. C.P. Wijasuriya (Guru Besar), En James Amoz (Guru Penasihat), Sulaiman Abdul Lamin (Pen. Ketua Pengawas), Chew Theam Eu (Setiausaha), Julian G. (Pen. Setiausaha), Faisal Ahmad (Ahli Jawatankuasa).
Berdiri Barisan Kedua (dari kiri ke kanan): Hew Chee Man(Ahli Jawatankuasa), P. Chandran, Surinder Singh, Haleelur Rahman, Shaharuddin, Wan Mazli, Chandrasegaran, Victor Mendes, Leong Tuck Meng, Lim Aik Lee (Ahli Jawatankuasa), Johnson (Ahli Jawatankuasa).
Berdiri Barisan Ketiga (dari kiri ke kanan): Norhalim Rahman, K. Ravichandran, Amirudin Manimaran, Yoganathan, Jaishankar, Thang Chin Heng, Wong Tsun Wai, Low Eng Guan, Steven Chong, (Ahli Jawatankuasa) Kamsaini Kamaruddin, R. Arumugam (Ahli Jawatankuasa).

Mulai pertengahan tahun 1983 hingga ke pertengahan tahun 1984, pengawas Sek. Men. (L) Methodist, Sentul mulai mengambil alih tugas-tugas Lembaga Pengawas sekolah kami dengan 65 orang pengawas keseluruhannya bersama dengan ahli-ahli jawatankuasa Lembaga Pengawas yang disenaraikan dibawah:—

Tahun 1984 merupakan tahun pertukaran cara-cara menjalankan tugas pengawas. Ahli-ahli jawatankuasa diberi tanggungjawab mengawasi disiplin di kawasan tertentu. Dua daripada ahli jawatankuasa telah diarahkan mengendali pemeriksaan kelengkapan pakaian murid-murid sekolah. Dua buah buku rekod telah disediakan untuk memasukkan nama murid yang ditangkap atas kesalahan-kesalahan berkaitan dengan lencana sekolah, tali leher sekolah, fesyen rambut, kasut, setokin dan pakaian sekolah. Seorang ahli jawatankuasa juga ada dilantik untuk menentukan ada ruangan antara kelas-kelas sebelum perhimpunan bermula.

Mengenai tugas khas, pengawas telah diarahkan menjaga disiplin semasa peperiksaan SRP dijalankan. Pengawas juga ada dipilih untuk mengawasi disiplin semasa pertandingan bola tampar MSSWP Daerah Sentul dilangsungkan. Demikian juga halnya, mengenai pertandingan akhir bola sepak MSSWP tahun 1984. Seperti yang selalu diadakan tiap-tiap tahun, kami menjalankan tugas semasa diadakan acara Lari Berganti-ganti Lebuhraya, Sukan Tahunan Sekolah dan Hari Guru di mana Lembaga Pengawas kami bergabung dengan persatuan-persatuan dan kelab-kelab sekolah untuk menjayakan satu pertunjukan khas untuk guru-guru

Untuk tujuan mewujudkan tali persahabatan di antara pengawas-pengawas sekolah lain, kami dibenarkan menghadiri sukan tahunan sekolah lain dan majlis pengawas sekolah lain. Pengawas sekolah kami juga turut serta dalam Sukan Pengawas 1984. Walaupun kami tidak ada memenangi sebarang piala, namun kami tidak kerugian apa-apa pun. Buktinya ialah kami telah banyak bergaul dengan pengawas sekolah lain dari sukan tersebut. Contoh yang terbaik ialah perlawanan persahabatan bola keranjang antara Sek. Men. Sri Inai yang terbit akibat dari Sukan Pengawas ini.

Malam Mesra kami jatuh pada 6hb. Julai 1984. Majlis ini telah berjalan dengan lancar dan meriah sekali.

Akhir kata, kami ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada Guru Besar, Encik C.P. Wijasuriya Penolong Guru Besar, Encik Robert Selvaratnam atas tunjuk ajar dan nasihat dari mereka.

Sekian, terima kasih.

Setiausaha
Chew Theam Eu

"KEPIMPINAN MELALUI TAULADAN"

LEMBAGA PENGAWAS (RENDAH)

Disiplin dan tata-tertib sekolah adalah satu perkara yang mesti diambil kira dan diambilberatkan di sekolah sekolah. Disiplin dan susilah yang sempurna dan teratur akan menambahkan suasana yang baik di sekolah-sekolah.

Untuk mencapai objektif itu, kami 44 orang pelajar telah dipilih dari sessi petang untuk menjadi pengawas sekolah agar masalah disiplin akan dikawal dengan seberapa baik yang mungkin.


Tugas kami adalah agak berat dalam melaksanakan disiplin di sekolah. Namun begitu, dengan kesabaran dan kegigihan, juga dorongan dan bimbingan guru-guru, tidak ada apa-apa masaalah pada tahun ini. Keadaan keluar dan masuk telah dapat berjalan dengan lancar.

Kami berseru kepada semua pelajar, juga guru-gruu, supaya menganggap kami sebagai rakan seperjuangan. Sama-sama kita harus berusaha agar M.B.S. menjadi bertambah maju dan terkenal.

Kami pengawas-pengawas sessi petang mengucapkan terima kaish kepada guru-guru penasihat En. Inder Singh, En. Ragbir Singh dan En. Mohd. Nor atas segala bimbingan dan nasihat mereka.

Setiausaha
Amran

LEMBAGA PUSAT SUMBER SEKOLAH



Duduk (dari kiri ke kanan): L. Manisegaran, Vikneswaran, M. Rajendra Kumar, Miss Sampoornam (teacher in charge), Mr. C.P. Wijasuriya (Head Master), Mrs. Hoo Wong Ching (teacher in charge) Yap Swee Hong, Ko Yew Chuan, Fong Fatt.
Berdiri Barisan Pertama: Soh Kok Wah, Sin Harn Ming, Tham Chee Chong, Yogeswaran T., Ang Kim Heng, Mohd. Sultan, Ong Seng Huat, Chia Tee Peng, M. Shankar, Lionel Andrew.
Berdiri Barisan Kedua: Lawrence Percy, James Pachek, Badrul, Avtar Singh, Abraham, Selvarajah, R. Raamesh, Ong Ah Goh.

Lembaga Pusat Sumber 1983/84 telah mengambilalih tugasnya pada bulan Julai, 1983. Kami mempunyai 19 orang pengawas pusat sumber pada mulanya dan kini mempunyai 25 orang ahli.

Sebagai satu lembaga cekap dan aktif, kami telah mengaturkan beberapa langkah dan memperkenalkan satu sistem baru dalam pentadbiran kami. Kami juga telah mengubahsuaikan perpustakaan kami bagi menyenangkan pelajar-pelajar.

Selain daripada menjalankan tugas biasa, kami juga aktif dalam kegiatan-kegiatan luar sekolah. Kami telah mengambil bahagian dalam banyak peraduan-peraduan syarahan dan diantaranya ialah di Sekolah Menengah Perempuan Ayer Panas Kami juga telah menghadiri majlis-majlis perpisahan dan sosial perpustakaan sekolah-sekolah lain.

Kami akan mengadakan minggu perpustakaan tidak lama lagi. Sebagai salah satu daripada aktiviti-aktiviti bagi minggu perpustakaan ini, kami akan membuat penyelidikan mengenai perpustakaan. Kami juga bercadang untuk mengadakan sebuah pameran mengenai kepentingan perpustakaan.

Lembaga Perpustakaan sekolah ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Guru Besar, Encik C.P. Wijasuriya, Guru Bertugas, Encik James Amoz yang telah memimpin kami sehingga akhir tahun 1983, Guru Bertugas, Cik Sampoornam dan Puan Hoo W.C. yang telah mengambilalih tahun ini kerana sudi membimbing, menasihat, mengajar serta memimpin kami semasa melaksanakan tugas. Tidak ketinggalan juga, perpustakawan-perpustakawan yang penuh dedikasi yang sanggup melapangkan masa yang begitu bernilai untuk memajukan perpustakaan serta berbakti kepada sekolah.

Akhir sekali, pihak pusat sumber mengucapkan "Selamat Berkhidmat dan Selamat Maju Jaya Dalam Segala Lapangan" kepada pengawas-pengawas pusat sumber yang akan berhenti sekolah akhir tahun ini.

Vikaneswaran
Setiausaha

PERSATUAN BULAN SABIT MERAH



Duduk (dari kiri ke kanan): Zuraimi CPL/Setiausaha, Shamsul Sgt/Pengerusi, Ahmad Kamal (guru Pengerusi), Cik Mary Raj (Guru Penasihat), Ong Sing Huat CPL/N. Pengerusi, Shahrom CPL/Bendahari. Berdiri (dari kiri ke kanan): Abdul Razak L/CPL, Nagalinggam N.C.O., Hamdan N.C.O., Gunapalan L/CPL, Mohd. Saipuddin L/CPL, Abdul Rahman L/CPL.

Tujuan kami: Menolong masyarakat dalam masa peperangan dan dalam masa aman.

Masyarakat Agung persatuan ini telah diadakan pada awal bulan Januari. Dalam mesyuarat ini ahli-ahli jawatankuasa baru telah dilantik dan rancangan-rancangan untuk tahun ini juga dibincangkan.

1) Memberi pertolongan cemas sesama diadakan pertandingan Lari Berganti-ganti Lebuh Raya Sekolah.
2) Memberi pertolongan cemas semasa Sukan Tahunan Sekolah.
3) Menjalankan tugas semasa pertandingan Bola Tampar dan Hoki antara sekolah-sekolah.
4) Menjalankan tugas semasa pertandingan akhir bola sepak Majlis Sukan Sekolah-Sekolah Wilayah Persekutuan di Stadium Negara.
5) Menyertai pertandingan pertolongan cemas antara sekolah-sekolah.
6) Mengadakan kursus kepimpinan untuk A.J.K. Persatuan.
7) Menghadiri Perayaan Hari Belia di Stadium Jalan Tun Razak.
8) Lawatan ke rumah orang-orang Cacat. Hanya dua orang murid sahaja yang telah dipilih untuk menyertai lawatan ini.
9) Menghadiri perayaan Hari Palang Merah Sedunia yang ke 15.

Pada akhir tahun ini ahli-ahli baru kami akan menduduki peperiksaan bahagian pertama. Untuk tujuan ini kami sekali lagi telah meminta seorang jurulatih untuk mengajar ahli-ahli baru kami.

Akhir kata, saya bagi pihak persatuan ini mengucapkan terima kasih kepada guru penasihat kami atas bimbingan serta galakan yang mereka berikan. Tidak ketinggalan juga, kepada ahli-ahli Jawatankuasa serta ahli-ahli yang telah banyak memberi sokongan dalam melaksanakan matlamat persatuan ini.

Setiausaha
Zuraimi B. Othman

KUMPULAN PENGAKAP KE–24, WILAYAH PERSEKUTUAN



Duduk (dari kiri ke kanan): Mohd. Norazlan, Kamsaini, Mohd. Sazali, Azman, Encik Chan Yew Pun (Pemimpin), Tan Eng Joo, Shaharuddin, Loi Hoi Leong.

1984 adalah tahun yang cemerlang bagi kumpulan kami. Dari 35 Pengakap dan 15 P. Remaja, Kumpulan kami mempunyai 5 pemegang lencana Jaya, 3 pemegang lencana Maju, 15 pemegang lencana Usaha dan lebih dari 20 telah lulus lencana Keahliaan.

Kami melatih Pengakap baru ilmu berpengakap, melanjutkan ujian lencana-lencana untuk ahli lain, menjalani latihan kepemimpinan, kursus kecemasan dan sebagainya pada mesyuarat mingguan pada tiap-tiap hari Sabtu.

Seramai 25 ahli telah mewakili Daerah kami dalam perbarisan pada Hari Belia di Stadium Raja Muda. Kumpulan kami telah juga memberi perkhidmatan awam kepada Majlis Sukan W.P. semasa Pertandingan Akhir Bola Sepak diantara Sekolah-Sekolah W.P. di Stadium.

Pada bulan April, 10 ahli bersama bekas Pandu Puteri dari Sek. Men. Pudu telah mendaki Bukit Cheras. Pada cuti penggal satu, kumpulan kami telah menjalankan satu perkhemahan di Ulu Kanching. Dua lagi perkhemahan telah di rancangkan; satu di kawasan lapang dekat sekolah dan satu lagi di Pulau Pangkor atau di Melaka.

Kumpulan kami telah mengadakan Malam Unggun Api pada 14hb. July, 1984. Seramai 200 Pengakap dan Pandu Puteri dari 10 buah sekolah termasuk SM Tinggi Kajang dan SM Anglo-Cina Seremban menghadiri malam ini. Guru-guru, Ibubapa dan bekas Pengakap kumpulan kami turut hadir juga. Minuman oren percuma telah ditaja oleh Macdonald. En. Tan Pao Chan dari Kementerian Pelajaran Malaysia telah merasmikan Malam Unggun Api tahun ini. Kami ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada En. Tan dan juga kepada OPCD Balai Polis Sentul kerana sudi menghantar dua pegawai polis untuk menjaga ketenteraman pada malam tersebut.

Saya, bagi pihak AJK Kumpulan, ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada En. Tan dan juga kepada OPCD Balai Polis Sentul kerana sudi menghantar dua kepada En. Chan. Yew Pun diatas kepemimpinan dan pertolongannya; Pn. Helena Foo, En. Mohd. Angsar dan En. Ahmad Kamal atas bantuan dan nasihat mereka; guru-guru yang telah menderma wang dan tidak ketinggalan Pengetua Sekolah dan Penolong Kanan atas kerjasama untuk menjayakan aktiviti-aktiviti pada tahun ini

Setiausaha.

PERSATUAN BAHASA MALAYSIA

Tujuan utama persatuan ini ialah untuk menggalakkan ahli-ahlinya mencebur diri dalam kegiatan-kegiatan yang bersangkut paut mengenengahkan bakat-bakat baru, malah memahirkan lagi penggunaan Bahasa Malaysia di kalangan ahli-ahlinya.

Mesyuarat Agung Tahunan persatuan ini telah diadakan pada pertengahan bulan Januari 1984, bertempat di dewan sekolah. Sambutan dari pelajar-pelajar agak menggalakkan. Persatuan ini dianggotai oleh seramai seratus tiga puluh dua orang ahli, dari sesi petang. Tujuan diadakan mesyuarat ini ialah untuk melantik Ahli Jawatankuasa baru dan membincangkan aktiviti-aktiviti sepanjang tahun ini.

Antara aktiviti-aktiviti yang telah dijalankan:)

1. Lawatan ke Bank Negara, Muzium Negara dan Memorial Tun Abdul Razak.
2. Pertandingan kuiz antara rumah-rumah;
   (Pertandingan ini dimenangi oleh Rumah Hijau yang diwakili oleh Faisal dan Viktor dari 5 Sains 2).
3. Pertandingan perbahasan antara aliran Sains dan Sastera.
   (Pertandingan ini dimenangi oleh murid-murid dari aliran Sastera yang diwakili oleh saudara Wan Mazli, Johnson dan Shahril. Pemidato terbaik pula dimenangi oleh Harman Shah dari 5 Sains11.)
4. Pertandingan mencipta ogo persatuan.
5. Permainan membentuk perkataan-perkataan.
6. Peraduan mengarang sajak.
7. Peraduan mengarang essei.
8. Pertandingan teka silangkata.

Akhir kata, kami bagi pihak ahli-ahli Persatuan Bahasa Malaysia mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua guru penasihat kamiyang banyak membimbing dan memberi tunjuk ajar dalam menjayakan segala aktiviti persatuan ini.

Sekian, terima kasih.

Yang menjalankan tugas,
Setiausaha
Persatuan Bahasa Malaysia.

THE ENGLISH LANGUAGE SOCIETY



Duduk (dari kiri ke kanan): P. Chandran, Miss Grace Chew, Mrs. Siah Teong Boon, Miss Sampoornam, Mrs. Khoo Soo Jit, Mrs. Peter Thean.

The main purpose of this society is to instil interest in the use of English among students.

The senior English Language Society had its first meeting on the 19th. of January 1984. The purpose of the meeting was to elect office bearers of the society and to inform its members of the plans drawn up for the whole year. During the first term activities such as crossword puzzle/essay/quiz/debate competitions, language game, a forum on "drugs", elocution contest, visits to Port Klang & Genting Highlands were organised by the committee for its members.

During the second term, an elocution contest was held among the members to select a school representative for the Kington Loo elocution contest. David Arul of 4 science 2 was chosen to represent our school. Although our school did not fare well, it was a good experience. A debate, an English Language Quiz and a film show were among the other activities that were held during the second term.

The plans we have in store for the society for the rest of the year are as follows:–

i) In the month of July, we are going to organise an English Language week.


ii) Then in August, the members of the society would be given a chance to visit a court in session.

iii) We also hope to have a talk on journalism sometime in September.

The members of the English Language Society would like to show our appreciation by thanking the teachers in charge Miss Sampoornam, Mr. Rama Rao and Mr. Ho for their active participation and interest in the activities of the society.

Secretary
Lionel Morais

PERSATUAN SAINS DAN MATEMATIK



Duduk (dari kiri ke kanan): Mr. Chan Chee Man, Mrs. Chiew Ah Chin, Mrs. Lau Chong Kong, Kua Siah Poh, P. Chandran, Chew Theam Eu, woo Woon Chiat, Obi See Woo, Mrs. Hwang Goon Yong, Mrs. Sim Ping Kuan.

Terlebih dahulu, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada pihak penerbit kerana memberi peluang kepada saya untuk menulis laporan ini.

Pada Penggal Pertama, persatuan ini telah menayangkan filem-filem yang bertajuk 'The Discovery of Radar,' 'Man, whales and dolphins' dan 'Electricity'. Kemudian seorang pegawai dari World Wildlife Fund telah dijemput untuk sebuah ceramah mengenai binatang di dunia ini. Sebuah filem yang bertajuk 'Giant Turtles of Trengganu' juga ditunjukkan.

Pada akhir penggal pertama, persatuan ini telah membuat satu lawatan sambil belajar ke Jabatan Kajicuaca. Persatuan ini akan membuat beberapa lawatan lagi pada penggal yang akan datang.

Bagi Penggal Kedua pula, persatuan ini telah menjalankan beberapa projek. Diantara projek-projek yang diadakan ialah 'Projek Fizik', dengan tajuk 'Alat Pengesan Hujan' dan 'Projek Kimia' dengan tajuk 'Silver Mirror' dan 'Electroplating'. Satu lagi projek yang akan diadakan pada Penggal Ketiga ialah di bawah nama 'Projek Biologi'. Aktiviti yang lain termasuk 'Permainan Matematik'.

Persatuan ini telah menyediakan beberapa projek untuk ahli-ahlinya. Diantara projek-projek yang diadakan ialah membuat 'Chemistry Garden', 'Penghabluran' dan 'Solar Rowered Radio'. Selain daripada itu, beberapa dilem telah ditunjukkan kepada ahli-ahli. Kesemua projek-projek ini sangat berjaya dan persatuan ini akan mengadakan lebih banyak aktiviti-aktiviti pada penggal ketiga.

Akhir sekali, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Puan Lau Chong Kong, Puan Chew Aai Chin, Puan Low Kim Seng, Puan Hwang, Puan Sim dan Encik Chan atas segala bimbingan dan tunjuk ajar yang diberi oleh mereka.

Sekian, terima kasih.

Setiausaha
Kua Siah Poh

PERSATUAN SEJARAH



Duduk (dari kiri ke kanan): Haleelur (Penolong Setiausaha), Joehari Jabbar (Setiausaha), Puan Charanejit Singh (Guru Penasiaht), Johnson Dass (Pengerusi), Puan Mahani (Guru Penasihat, Puan Halimah (Guru Penasihat), Sulaiman (A.J.K.), Wan Mazli (A.J.K.).
Berdiri (dari kiri ke kanan): Jamaludin (A.J.K.), dan wakil pelajar sessi petang.

Tujuan Persatuan:—

i) Menarik minat para pelajar terhadap matapelajaran Sejarah.
ii) Mendalamkan lagi pengetahuan pelajar tentang sejaran Malaysia melalui lawatan dan projek.

Aktiviti Persatuan:—

i) Mesyuarat Agung Tahunan Persatuan Sejarah telah diadakan pada 18hb. Januari, 1984. Dalam mesyuarat ini ahli-ahli jawatankuasa yang baru telah dilantik. Ahli-ahli yang baru bagi tahun ini juga diterima.
ii) Selain daripada itu ada beberapa projek yang telah persatuan laksanakan. Antaranya persatuan ini telah bergabung dengan Persatuan Bahasa Malaysia untuk, membuat satu lawatan sambil belajar ke Bank Negara, Muzium Negara dan Memorial Tun Razak. Hasil dari lawatan itu kami telah mempelajari serba sedikit tentang sejarah matawang dunia dan tokoh-tokoh politik Malaysia pada masa silam.
iii) Persatuan 3, 4 dan 5 pada akhir penggal pertama, Kesannya, para pelajar telah dapat menyesuaikan diri dan mula menanam terhadap matapelajaran Sejarah.
iv) Rancangan pada penggal kedua termasuklah mengadakan kelas-kelas tambahan dan mengedarkan risalah-risalah yang merupakan soalan-soalan ramalan peperiksaan yang dijual untuk mengisi tabung persatuan.

Akhir kata kami mengucapkan ribuan terima kasih kepada guru-guru penasihat yang telah memberi tunjuk ajar yang berfaedah demi untuk kemajuan dan kesejahteraan persatuan sejarah. Tidak lupa juga kepada ahli-ahli yang lain yang telah bertungkus lumus menjayakan beberapa projek dan menjaga prestasi persatuan ini.

Sekian, teirma kasih, Selamat Maju Jaya.

Setiausaha,
Joehari Jabbar

PERSATUAN GEOGRAFI



Duduk (dari kiri ke kanan): Narayanan, Victor Mendis, Miss Sampoornam, Mrs. Pui, Mrs. Peter Thean, Mr. Ahmad Kamal, Chandran, Kua Theng Hong.
Berdiri (dari kiri ke kanan): Thang Wai Kong, Hah Foo Kean, Chong Yoke Mun, Lim Cheong Hwee, Lai Hon Ping, Teoh Han Boon, Balaji, Thong Ging Yap, Mekanathan.
Berdiri Belakang (dari kiri ke kanan): Amran Othman, Aw Wai Choong, Surinder Singh, Harvinder Singh, Lim Yew Cho, Yap Chee Tuck, Teo Eng Soon.

Mesyuarat Agung untuk memilih ahli-ahli jawatankuasa telah diadakan pada 8hb Februari, 1984 untuk sesi pagi dan pada 26hb Februari, 1984 bagi sesi petang. Seramai 70 orang ahli telah mendaftar nama bagi sesi pagi dan 40 orang bagi sesi petang.

Aktiviti-aktiviti bagi sesi pagi sepanjang tahun ini termasuk:—

a) mengadakan pertandingan kuiz.
   Pertandingan ini dimenangi oleh kumpulan yang terdiri daripada
   1) Woo Woon Chiat 2) Surinder Singh 3) Chong Yoke Mun
b) mengadakan peraduan melukis peta
c) melawat ke kilang Lever Brothers pada 9hb. Mei, 1984
d) mengadakan lawatan ke Bank Negara

Aktiviti-aktiviti bagi sesi petang pula termasuk:—

a) membuat buku scrap.
b) melawat ke Bank Negara sempena Pameran Mata Wang Dunia pada 24hb. Mac, 1984
c) mengadakan lawatan ke Pelabuhan Kelang bersama dengan Kelab Membaca dan Persatuan Bahasa Inggeris.

Di sini kami ingin merakamkan penghargaan kami kepada guru-guru penasihat iaitu Puan Pui, Puan Wong dan Cik Sampoornam bagi sesi serta Puan Peter Thean dan Encik Ahmad Kamal bagi sesi petang. Segala nasihat-nasihat dan tunjukaja: daripada mereka amat besar nilainya kepada kami untuk meninggikan lagi prestasi persatuan ini.

Sekian, terima kasih.

Setiausaha,
Chong Yoke Mun

PERSATUAN PERDAGANGAN DAN PRINSIP PERAKAUNAN



Duduk (dari kiri ke kanan): Mohd. Sultan, Wee Chong Pak, Tham Chee Chong, Pn. Yee Kok Seong.
Berdiri (dari kiri ke kanan): Nagappan, Hon Siew Peng, Surinder Singh.

Penubuhan persatuan ini adalah tidak lain daripada menarik minat murid-murid sekolah ini dalam matapelajaran Perdagandan dan Prinsip Perakaunan. Di samping itu meningkatkan lagi peratus kelulusan dalam peperiksaan S.R.P. dan S.P.M. dalam matapelajaran tersebut.

Pada 16hb. Januari, persatuan ini mengadakan mesyuarat agungnya yang pertama dan mendapat sambutan yang menggalakkan. Untuk sessi pagi seramai 126 orang telah menjadi ahli manakala sessi petang pula seramai 35 orang. Ahli jawatankuasa yang baru telah dipilih dan perbincangan mengenai aktiviti-aktiviti tahunan dijalankan.

Antara aktiviti-aktiviti yang telah dijalankan ialah mengadakan lawatan ke Bank Negara, Pelabuhan Kelang dan Hong Kong and Shanghai Bank. Selain daripada itu persatuan ini juga telah memasuki pertandingan kuiz yang diadakan di antara sekolah-sekolah daerah Sentul, anjuran Sekolah Maxwell dan telah berjaya menjadi naib johan. Rancangan penjualan suratkhabar 'Utusan Pengguna' masih diteruskan dan kami berjaya menjualnya setiap bulan.

Akhirnya saya bagi pihak persatuan ini, mengucapkan ribuan terima kasih kepada guru penasihat iaitu Puan Yee Kok Seong dan Cik Rosita Hamzah atas segala tunjuk ajar serta dorongan yang mereka sumbangkan ke atas persatuan ini.

Setiausaha
Mohd. Sultan

LAPURAN TAHUNAN KRISTIAN UNION



Duduk (dari kiri ke kanan): Lawrence Percy, Mr. Gerard Benedict, Abraham (President).
Berdiri (dari kiri ke kanan): Lionel Morrais, Julian G., Rajendra Kumar, James Pachek.

Mesyuarat Agung bagi persatuan kami telah diadakan pada bulan September 1983 untuk memilih ahli-ahli jawatan kuasa bagi tahun 1984. Mesyuarat ini telah dihadiri oleh ahli-ahli 'Kristian Union'.

Pada setiap hari Jumaat, kami mengadakan mesyuarat di mana kami membincang secara mendalam mengenai ugama Kristian. Kami selalunya dipimpin oleh Caplain sekolah, Pastor Ong Hwai Teck dan Guru Penasihat, En. Benedict.

Pada awal bulan Jun, tahun ini, sekolah kita telah menganjurkan 'Minggu Agama', selama tiga hari berturut-turut. Pada hari pertama suatu filem yang bertajuk, 'Brother Enemy' telah ditayangkan manakala pada hari kedua dan ketiga, beberapa ceramah telah diberi.

Akhir sekali, saya bagi pihak persatuan ini ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi terima kasih kepada pihak sekolah kerana sudi menyumbangkan kerjasama kepada persatuan kami dan tidak ketinggalan juga kami mengucapkan ribuan terima kasih kepada Pastor Ong dan En. Benedict atas sumbang bakti mereka, Kami juga mengucapkan terima kasih kepada para saudara atas segala dorongan, kerjasama dan teguran kepada kami demi kemajuan atas rahmat Yesus Kristus.

'Jika kamu mengaku dengan bibir mu bahawa 'Yesus itu Rabbi' dan kamu percaya di dalam hati mu Allah telah membangkitkan Yesus dari kematian, kamu akan terselamat.' (Rum 10:9)

Setiausaha
Lawrence Percy

PERTUBUHAN BADAN ISLAM (PERBADIS) M.B.S. SENTUL



Dari kiri ke kanan: Abu Hasni, Zulkiflee Salleh, Azman Alias, Ustazah Mariam, Talha Husaini, Sharifudin, Shamsol.

"Dengan Nama ALLAH Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyanyang" selamat sejahtera kepada semua pelajar-pelajar Islam yang dihormati sekalian. Kami ahli-ahli jawatankuasa PERBADIS sungguh berbesar hati kerana diberi kesempatan untuk memperkatakan tentang pertubuhan ini serta ahli-ahlinya.

Diantara aktiviti-aktiviti yang dijalankan pada tahun ini ialah:–

12 Mei 1984 : Ahli-ahli kami dijemput untuk menghadiri ceramah tahunan di Sekolah Convent dan ahli-ahli kami juga secara sukarela menjadi penyambut tetamu kepada pelajar-pelajar lelaki yang hadir pada hari itu.

11/12/13 Jun 1984 : Kami mengadakan Minggu Da'wah sebagaimana yang telah dilakukan oleh ahli-ahli lama.

Selain dari aktiviti-aktiviti yang di atas, kami juga mempunyai rancangan untuk masa-masa yang akan datang. Kami mengucapkan ribuan terima kasih kepada guru-guru Islam dan Guru Besar yang telah mengizinkan kami menjalankan aktiviti-aktiviti dan tidak ketinggalan juga kepada semua para pelajar Islam yang telah menyumbangkan tenaga dan kerjasama bagi menjayakan aktiviti-aktiviti PERBADIS.

Kami juga menyeru agar pelajar-pelajar Islam sekolah ini berusaha dengan gigih untuk mempertingkatkan mutu pelajaran mereka dan mengekalkan akhlak yang murni serta hadapilah segala cabaran dengan tabah.

Pengerusi
(Azman Alias)

PERSATUAN KEBUDAYAAN DAN BAHASA TAMIL



Duduk (dari kiri ke kanan): Kalis, Manimaran (Treasurer), Miss Marry Raj, Mr. Vellurajan, Arumugasamy, Mr. Selvaraj, Arumugam (Presiden) Herman.

Tujuan utama mengajurkan persatuan ini adalah untuk memperluaskan pengetahuan para pelajar mengenai kebudayaan, kesusasteraan dan bahasa Tamil.

Mesyuarat tahunan yang pertama telah diadakan pada 15hb. Januari dimana ahli-ahli jawatankuasa telah dilantik. Perjumpaan diadakan dua minggu sekali pada hari Jumaat. Perbincangan, perlaksanaan dan lain-lain perkara diadakan mengenai aktiviti-akitviti yang akan dijalankan pada tahun ini.

Aktiviti bagi tahun ini dimulakan dengan sebuah ceramah yang telah dijalankan oleh ahli-ahli jawatankuasa (AJK) dan guru-guru penasihat. Ceramah ini berkenaan dengan kebudayaan ugama, bahasa, sifat-sifat dan kelakuan murid-murid India di sekolah sekolah. Ini diikuti dengan peraduan syarahan diantara ahli-ahli persatuan ini.

Untuk menambahkan lagi tanggungjawab ahli-ahli persatuan ini, kami juga telah mengadakan penjualan 'book marker' dan projek ini sangat berjaya.

Selain daripada itu kami telah mengadakan satu pertunjukan pentas pada penggal yang kedua. Kami juga telah menghadiri beberapa pertunjukan pentas di sekolah-sekolah lain.


Kami mengucapkan terima kasih kepada guru-guru penasihat Encik Arumugasamy T. Rajah, Encik Velurajan dan Cik Mary Raj kerana telah memberi kami tunjuk ajar yang sangat berharga dan berkesan.

Akhir kata, saya berharap dan berdoa agar persatuan ini akan terus maju dan mencapai kejayaan yang lebih besar dimasa depan.

Sekian, terima kasih.

K. Kaliswaran
(Setiausaha)

INTERACT CLUB



Duduk (dari kiri ke kanan): Teh Chin Leng (President), Mrs. Kong (T. Advisor), Mr. Ho Nee Yong, Low Eng Guan (V. President).
Berdiri (dari kiri ke kanan): Wong Leong Seng (Treasurer), Leong Tuck Meng (Secretary), Fong Fatt (V. Sec.) Sito Kok Hoong (F.D.), Ang Kim Heng (C.S.), Kuhendran (I.U.D.) Ko Yew Chuan (P.R.O.), Keseva (C.S.D.).

Jawatankuasa 1983/84 mengambilalih tugas selepas Malam Perlantikan pada bulan Julai 1983. Sebaik sahaja ahli jawatankuasa disahkan mereka telah mula menjalankan tugas masing-masing. Kelab ini sangat aktif dan mempunyai matlamat yang meliputi tiga sektor.

Perkhidmatan awam/masyarakat

Projek kami yang pertama ialah menolong Kesatuan Orang-orang Buta di Petaling Jaya untuk mengecat dan membersihkan kawasan sekitarnya. Sebagai ahli kelab ini seraya menyambut seruan tema kelab iaitu Perkhidmatan Melebihi Diri, kami telah menganjurkan banyak lawatan membantu masyarakat yang kurang bernasib baik. Kami telah menerima sepucuk surat ucapan terima kasih atas kerja yang dilakukan oleh ahli-ahli kelab ini.

Pada penghujung tahun, kami telah melawat Rumah Orang-orang Cacat di Cheras. Projek ini telah dilaksanakan dengan ahli Interact dari Sek. Men. (P) Ayer Panas. Seterusnya kami telah melawat S.P.C.A. di Ampang dan Rumah Orang-orang Tua di Ampang. Kami telah bergabung dengan ahli Interact Sek. Men. (P) Ampang untuk projek ini. Di situ kami berjaya membersihkan seluruh kawasan itu.

Di samping itu beberapa ahli kami telah memberikan perkhidmatan sukarela dalam menjual bendera sempena Hari Bendera. Kami berharap akan dapat melawat Wisma Harapan di Brickfields untuk menolong membersihkan kawasan sekitarnya.

Kutipan wang

Untuk melaksanakan projek-projek kelab ini memerlukan belanja yang banyak. Kami telah menjalankan penjualan hamper di Hotel Merlin semasa pihak Rotary Daerah Gombak mengadakan majlis makan. Jumlah wang yang diperolehi adalah kad dan mencuci kereta untuk menambahkan akaun kelab ini.

Projek kewangan kami yang terbesar ialah mengadakan konsert oleh Sekolah Muzik Yamaha dari Sungai Wang Plaza.

Malam Persefahaman Antarabangsa

Kegiatan yang dilakukan termasuklah menghadiri Malam Persefahaman Antarabangsa yang dianjurkan oleh sekolah-sekolah lain. Selain daripada itu kami juga menghadiri satu ceramah kerjaya yang dianjurkan oleh Rotary Club Daerah Gombak di Sek. Men. (P) Ampang.

Sebelum menamatkan laporan ini saya bagi pihak ahli Kelab Interact ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada guru-guru penasihat kami iaitu Encik Ho Nee Yong dan Puan Kong dan juga penasihat dari Rotary Club Daerah Gombak, Encik K.C. Wong dan Encik Allen Lupex atas sumbangan dan nasihat yang telah mereka beri untuk menggerakkan dan memajukan lagi kelab ini. Semoga ahli jawatankuasa yang akan mengambilalih tugas kami akan dapat mengekalkan nama kelab ini dan mencapai kejayaan yang lebih cemerlang.

KELAB SENI LUKIS

Sejak kebelakangan tahun ini, Kelab Lukisan telah dapat meningkikan prestasinya. Pada tahun ini, kami telah mengadakan Mesyuarat Agung Tahunan yang dipengerusikan oleh Cik Cheah pada 24hb Januari, 1984 untuk melantik ahli jawatankuasa baru dan merancangkan kegiatan-kegiatan kami untuk tahun ini.

Kami telah melanjutkan aktiviti-akitviti seperti berikut:

1. Melukis poster
2. Membuat label-label untuk pihak sekolah.
3. Penerangan mengenai lukisan negeri lain dan lukisan zaman purba untuk menambahkan daya cipta.

Perjumpaan diadakan setiap hari Rabu di Bilik Lukisan selepas sekolah. Tujuan Kelab Lukisan pada tahun ini ialah untuk meningkatkan lagi taraf pencapaian ahli-ahli didalam bidang seni lukis.

Bagi sesi petang pula, perjumpaan dua minggu sekali, ttiap tiap hari Selasa, 12.15 – 1.15. di Dewan Sekolah.

Projek-projek yang dijalankan:

1. Mobile – membuat bekas-bekas bunga, abu roko, pensel dan lain-lain.
2. Menyertai pertandingan melukis yang di anjurkan oleh sekolah-sekolah di sekitar Kuala Lumpur.
3. Mengumpulkan lukisan-lukisan dan kerja tangan dari ahli-ahli persatuan.
4. Mengadakan satu pameran lukisan di akhir Penggal Ketiga.

Kelab kami telah dibantu oleh guru-guru penasihat iaitu Cik Cheah, Encik Bustam dan Puan Tee. Mereka telah memberi tunjuk ajar dan bimbingan kepada kami untuk menjayakan kelab ini. Kami berharap akan terus maju di masa hadapan dan lebih ramai pelajar yang berpotensi dari tingkatan Tinga akan menjadi ahli pada masa kelak untuk meneruskan cita-cita kami.

Terima kasih.

Yang menjalankan tugas,
Yap Seng Quan
Johari Abu Samah

LAPORAN KELAB MEMBACA

Persatuan ini bertujuan untuk menanam minat membaca buku serta meluaskan pengetahuan para pelajar.

Mesyuarat kami yang pertama telah diadakan pada 7 haribulan March 1984 dan ahli-ahli jawatankuasa telah dilantik. Kami mempunyai sebuah bilik di blok pejabat, tingkat 2, dimana kami menyimpan koleksi buku kami yang berjumlah diantara 60 hingga 80 buku yang terdiri daripada buku-buku cerita, majalah dan risalah. Kami sedang mencari lebih banyak buku untuk memajukan kelab kami.

Rancangan kami untuk melawat Pelabuhan Kelang dan Rumah api di Kuala Selangor yang mengadap Selat Melaka telah dibuat pada akhir penggal kedua.

Akhirnya, saya bagi pihak persatuan ini ingin mengucapkan ribuan terima kepada guru penasihat kami, Cik Grace Chew, yang telah memberi nasihat, bimbingan serta galakkan kepada ahli-ahli persatuan ini.

Setiausaha
Sailendra K.S.

MBS : KOIR SEKOLAH 1984

Pemilihan ahli-ahli koir sekolah telah diadakan dalam bulan April dan sebanyak 40 orang murid telah dipilih. Kebanyakan daripada mereka adalah dari Tingkatan tiga, empat dan sebilangan kecil sahaja dari Tingkatan lima.

Disebabkan kerja-kerja sekolah yang banyak dan kelas-kelas bimbingan sessi petang, bilangan murid dalam koir telah dikurangkan kepada 18 orang murid.

Koir sekolah kita berjumpa tiap-tiap hari Rabu selepas waktu persekolahan untuk mengadakan latihan selama sejam;

Wakil Koir Sekolah,
Gabriel Daniel

KELAB PHILATELIK

Persatuan ini bertujuan untuk mendorong dan menanam minat dalam mengumpul setem. Mesyuarat diadakan dua minggu sekali pada hari Jumaat. Sepanjang tahun ini, kami telah mengadakan "Quiz" dan juga berbagai-bagai aktiviti. Kami juga telah mengadakan satu pertandingan mengumpul setem keanng-kenangan Malaysia 1984 dalam bentuk siri dan hadiah-hadiah di berikan kepada para pemenang.

Kami juga di galakkan bertukar setem dan juga syiling di antara ahli-ahli. Keluaran "Sampul Surat Hari Pertama" selalunya di beritahu kepada semua ahli lebih awal oleh guru penasi at. Ini adalah semata-mata untuk menggalakkan ahli-ahli persatuan ini mengumpul "Sampul Surat Hari Pertama"

Ahli-ahli kelab itu telah bergabung dengan ahli-ahli persatuan Ilmu Alam dan Kelab Membaca dari sesi petang untuk membuat satu lawatan ke Genting Highland pada 21hb Julai 1984.

Akhir kata kami ingin mengucapkan teirma kasih kepada guru penasihat atas tunjuk ajar dan bimbingan yang telah diberikan.

Setiausaha
M.D. Nazim

PERSATUAN BAHASA CINA



Duduk (dari kiri ke kanan): Woo Woon Chiat, Ooi See Woo, Low Boon Chuan, Mrs. Hwang, Chong Yoke Mun, Siah Hock Leong, Lim Kok Chi, Chia Kee Seng.

Pada 3hb. Mac, 1984, Persatuan Bahasa Cina telah ditubuhkan dan ianya terbuka kepada semua pelajar.

Persatuan ini telah mendapat sambutan yang begitu hangat sekali daripada para pelajar. Dengan ahli terdaftar seramai lebih kurang 70 orang, kami menjalankan aktiviti-aktiviti kami dengan penuh keyakinan.

Dalam tahun ini, kami berasa amat bangga kerana dapat menubuhkan sebuah perpustakaan sendiri. Bilik Membaca Persatuan Bahasa Cina terletak di sebelah kiri Bilik Lembaga Pengawas, tingkat atas dewan sekolah. Dengan kejayaan yang cemerlang ini kami telah mara setapak besar dan berharap agar 'sekali berjaya, terus berjaya'.

Di bawah ini adalah antara aktiviti-aktiviti atau projek-projek yang dijalankan pada tahun ini:

1) Melawat ke Sin Chew Jit Poh dan Nanyang Siang Pau. Lawatan-lawatan ini telah memberi sedikit sebanyak pengetahuan kepada ahli-ahli mengenai proses-proses pengeluaran suratkhabar.
2) Mengadakan perbahasan. Tajuknya: 'Jumlah penduduk Malaysia harus ditambah menjadi 70 juta orang'. Keputusannya, pihak pembangkang menang.
3) Sayembara mengarang bagi peringkat menengah bawah dan menengah atas.
4) Peraduan kuiz (perseorangan).
5) Lawatan sambil belajar ke Pelabuhan Kelang dan Kuala Lumpur. Glass Manufacture Company Sdn. Bhd. pada bulah November, 1984.

Kesemua aktiviti mendapat sambutan yang menggalakkan dan telah dijalankan dengan lancar. Kami bagi pihak Ahli-Ahli Jawatankuasa Persatuan Bahasa Cina mengucapkan ribuan terima kasih kepada guru-guru penasihat kami, iaitu Puan Hwang Boon Yong dan Encik Ho Nee Yong kerana telah bertungkus-lumus bagi meningkatkan prestasi murid-murid dan mencapai matlamat persatuan ini, Juga, tidak ketinggalan, kepada semua ahli yang telah bersama-sama menjayakan aktiviti-aktiviti dan projek-projek tahun ini.

Kami berharap bilangan ahli akan bertokok-tambah dan kejayaan yang lebih cemerlang dapat dicapai pada tahun-tahun yang akan datang.

Low Boon Chuan
(Setiausaha)

PERSATUAN TAE KWON DO



Barisan Pertama (dari **kiri ke kanan**): Lai Yew Kuan, Teaw Kim Ee, Mr. Wong Siew Pang (instructor), Mr. Su Too Fong (advisor), Lai Yew Bunn, Ko Yew Chuan.
Berdiri (dari kiri ke kanan): Low Seng Kee, Ng Kok Keng, Yong Thiam Huat.

Mesyuarat Agung dan perlantikan ahli jawatankuasa tahun ini telah diadakan pada March, 1984.

Persatuan ini adalah baru ditubuhkan pada tahun ini. Kami telah menerima sambutan yang baik dari murid-murid sekolah.

Baru-baru ini, United Tae Kwon Do Wilayah Persekutuan telah menganjurkan satu pertandingan di antara sekolah-sekolah bagi kawasan Wilayah Persekutuan yang bertempat di Sekolah St. John. Persatuan ini telah menghantar satu pasukan yang terdiri daripada Low Seng Kee, Boey Meng dan Low Teck Her. Mereka telah berjaya mendapat kedudukan keenam dalam Wilayah Persekutuan.

Latihan Tae Kwon Do dijalankan pada tiap-tiap hari Jumaat dan Sabtu pada pukul 2.00 petang hingga 4.00 petang di dewan sekolah. Murid-murid yang berminat dialu-alukan.

Saya, sebagai wakil persatuan ini, ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Tuan Guru Besar, Encik Clarence P. Wijasuriya dan Master Wong Siew Pang yang telah memberi sumbangan dan tunjukajar kepada kami dan tidak ketinggalanjuga Mr. Su Too Fong serta ahli-ahli persatuan ini.

Setiausaha
Ko Yew Chuan

PERSATUAN RENANG



Berdiri (dari kiri ke kanan): Mr. Su Too Fong (Advisor), Nadarajah, Kiritaran, Wong Liong Sing, Siah Hock Liong, Lau Chuan Hoe, Matialagan.
Duduk (dari kiri ke kanan): Rajahtilaga, Yim Kai Chuan, Siah Tek Hua, Chew Weng Cheong.

Pada tahun ini, kami mempunyai seramai 150 orang ahli dan seorang guru penasihat iaitu Encik Su Too Fong. Bagi setiap ahli, kami mengenakan yuran sebanyak $1.50 bagi tempoh satu tahun. Untuk mencapai matlamat persatuan ini kami telah dan dan sedang menjalankan beberapa aktiviti. Antaranya ialah mengadakan latihan renang di Kolam Mandi Weld tiap-tiap hari Rabu. Kami juga mempunyai seorang juru latih di Kolam Mandi Weld.

Akhir kata, saya bagi pihak persatuan ingin mengucapkan teirma kasih kepada guru penasihat yang menolong menjayakan persatuan ini. Saya juga berharap persatuan ini akan terus maju agar mencapai kejayaan yang lebih besar di masa depan kelak.

Sekian. Terima kasih.

Setiausaha
Mathialagan

With Best Compliments
From

HUT TRADING

Room 34-2, (2nd Floor) Ruby Emporium
Jalan Karial, off Jalan Pudu, K.L.
Tel: 414487.

KELAB DRAMA



Duduk (dari kiri ke kanan): Suzaini Ariffin, Benedict, Faizal Hussein.
Berdiri (dari kiri ke kanan): Nazida Osman, Shamsul Osman, Johnson Dass.

Kelab ini telah ditubuhkan pada awal tahun 1984. En. Gerard Benedict ialah guru penasihat kelab ini. Kelab ini mempunyai ahli seramai 26 orang.

Bagi projek pertamanya kelab ini telah menganjurkan 'Malam Drama' yang telah diadakan pada 18hb. Mei 1984 di dewan sekolah. Seramai lima kelas telah mengambil bahagian dalam pertandingan ini. Mereka terdiri daripada:

Kebenaran	4 Sastera 1
The Will	5 Sains 1
The Retainees	5 Sains 2
Delima Si Miskin	5 Sastera 1
Di sebuah Hospital	5 Sastera 3

Tingkatan 5 Sastera 3 telah muncul sebagai johan pertandingan. Hadiah 'Pelakun Terbaik' pula telah dimenangi oleh Gabriel Peter dari 5 Sas. 3, yang telah berlakun sebagai seorang jururawat.

Pada malam itu kami telah menjemput Encik Hussein Abu Hassan serta isterinya dan isteri kepada Guru Besar sekolah kami untuk menjadi hakim bagi pertandingan malam itu. Pada malam itu juga kami telah mempersembahkan tarian 'electric boggie'yang telah ditarikan oleh penuntut-penuntut dari Tingkatan 4 dan 5.

Harapan kami pada masa akan datang ialah supaya Kelab Drama sekolah kami dapat dimajukan dengan menjalankan lebih banyak aktiviti yang mencungkil bakat dan yang berdasarkan kebudayaan.

Setiausaha
Suzaini

LAPURAN KELAB
SENI PERUSAHAAN 1984



Kelab ini telah mengadakan perhimpunan agungnya pada 8hb. Feb. 1984. Pada hari perhimpunan ini ahli-ahli jawatankuasa telah di pilih. Kelab ini mengandungi ahli seramai 22 orang. Ahli-ahli ini terdiri dari kelas 2 Beta, 2 omega, 1 Beta,dan 1 Omega. Perjumpaan dibuat dua kali dalam sebulan iaitu pada hari Rabu jam 12.15 tengahari hingga 1.30 tengahari. AJK sendiri merancang kegiatan yang hendak dijalankan.

Aktiviti-aktiviti yang dijalankan adalah seperti berikut:

1. Projek membuat 'Copper tooling'.
2. Projek membuat 'Treen'.
3. Bergotong royong mengecat dinding Bengkel Seni Perusahaan.
4. Membuat satu lawatan sambil belajar kesebuah Syarikat Pemasangan Kereta (Tan Chong Motor).

Kelab ini telah mewajibkan kepada semua ahli hadir setiap perjumpaan diadakan.

Akhir sekali saya bagi pihak AJK mengharapkan Kelab ini akan bertambah aktif lagi di masa-masa akan datang. Saya juga mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada penasihat kami dan juga semua AJK yang memberikan kerjasama dalam menjayakan kelab ini.

Sekian.

"Maju Seni Untuk MBS"

Yang menjalankan tugas,
Raja.
(Pengerusi)

PERSATUAN SIKH



Berdiri (dari kiri ke kanan): Rajinder Singh, Malvinder Singh, Surinder Singh.
Duduk (dari kiri ke kanan): Hermon K. Jagdev Singh, Harvinder Singh, Ragbir Singh, Surinder Singh, Avtar Singh, (Jasbir Singh.

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada pihak penerbit majalah Sentinel, Sekolah Menengah Laki-Laki – Methodist, Sentül kerana sudi memberi kesempatan kepada saya mencoretkan sedikit sebanyak aktiviti Persatuan kami. Persatuan ini telah di tubuhkan lapan tahun yang lalu. Persatuan ini telah mengadakan mesyuarat tahunannya yang pertama pada13hb Januari 1984 untuk memilih ahli-ahli baru.

Persatuan kami mempunyai 38 orang ahli. Persatuan ini dikendalikan oleh 12 orang ahli jawatankuasa dan di bantu oelh 2 orang guru penasihat. Pentadbiran Persatuan ini agak lem bab pada mulanya tetapi telah menjadi cergas pada penggal kedua.Ini adalah kerana dengan adanya semangat tolong-menolong dae sikap bertanggungjawab ahli-ahli persatuan ini.

Antara aktiviti-aktiviti yang telah kami jalankan adalah seperti berikut:–

1) Persembahan Bhangra yang telah diadakan sempena Hari Guru yang telah diadakan pada 18hb Mei 1984.
2) Pertandingan kuiz diadakan antara tingkatan 4 dan 5 untuk menguji kecekapan pada pelajar Sikh dalam agama mereka.
3) Kami telah menyertai pertandingan 'Bhangra' antara sekolah-sekolah di Wilayah Persekutuan. Sekolah kami telah muncul sebagai haib johan dalam pertandingan itu.
4) Bagi kepentingan semua hali kami telah menjemput seorang penceramah iaitu Encik Harvinder Singh. Beliau telah memberi ceramah yang berunsur keugamaan. Ramai pelajar-pelajar dari persatuan ini telah menghadiri ceramah ini.
5) Akhir sekali kami telah mengadakan pertandingan hoki diantara ahli-ahli persatuan

Akhir sekali, saya bagi pihak persatuan ini ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada Tuan Guru Besar, Guru-guru penasihat iaitu Encik Ragbir Singh, Puan Vharanjit Kaur dan ahli-ahli persatuan ini yang telah menolong kami dalam menjalankan aktiviti-aktiviti kami.

"Waheguru Ji Ka Khalsa"
"Waheguru Ji Ki Fateh"

LAPORAN RUMAH MERAH 1984



DUDUK DARI KIRI KE KANAN:
En. Thevarajah, En. Ahmad Kamal, En. Rama Rao, Wai Kin, Kuhendran, Manimaran, Pn. Kalsom, Pn. Melor, Pn. Mahani.

Rumah Merah pada tahun ini telah menduduki tempat yang keempat dalam temasya sukan tahunan 1984. Semua kejayaan yang kami tempa ini adalah hasil daripada usaha gigih peserta-peserta kami yang berpotensi dan tidak ketinggalan guru-guru penasihat kami.

Selain daripada berjaya di dalam beberapa acara sukan tahunan, pasukan Rumah Merah juga telah merangkul beberapa pingat emas dan menjadi naib johan dalam beberapa permainan.

Di dalam acara Lari Berganti-ganti Lebuhraya, Rumah Merah telah memperolehi kejayaan yang cemerlang. Dalam Kelas I, Rumah Merah telah menjadi johan dengan kejayaan yang agak mengkagumkan iaitu 50 minit 36 minit. Selain daripada itu,Rumah Merah juga mendapat tempat ketiga dan kelima dalam Kelas IV dan tempat keenam dalam kelas II.

Di samping itu, Rumah Merah juga menjadi:–

i) johan dalam permainan Bola Keranjang
ii) johan dalam permainan Squash
iii) naib johan dalam permainan Bola Sepak
iv) naib johan dalam permainan Tenis
v) Johan dalam permainan hoki

Jika dibandingkan kejayaan tahun ini dengan tahun-tahun yang lalu, kejayaan tahun ini amat menggalakkan. Syabas diucapkan kepada peserta-peserta yang telah mengambil bahagian dalam menjayakan pasukan-pasukan tertentu dalam Rumah Merah. Tidak lupa, terima kasih kami ucapkan kepada guru-guru yang telah melatih kami dan menjadi juga sokongan hangat yang telah diberi oleh setiap ahli.

'Rumah Merah akan maju dan terus maju'

Yang bertugas,
KUA THENG HONG
Setiausaha Rumah Merah

RUMAH KUNING



BERDIRI BARISAN ATAS (Dari kiri ke kanan) John Santiago, Sivaram Kumar, Woo Woon Chiat, Kanesamoorthy, Wong Chee Wai, Tee Ghee Kim, Low Chuan Ho, Palaniapa

BERDIRI BARISAN KEDUA (Dari kiri ke kanan) Mothialagan, Daud bin Musa, Ang Kim Heng, Ko Yew Chuan, Rajender Singh, Giritharan Nair, Gopinathan, Chandrasegran

DUDUK (Dari kiri ke kanan) Sulaiman, En. Ibrahim Hussain, Pn. Won Rahana, Cik Lourdu Mary Raj, Pn. Low Kim Seng, Gabriel, Pn. Kong Nyuk Ching, Cik Cheah Eok Eng, Sia Teck Hua.

Pada tahun ini Rumah Kuning telah berjaya di dalam banyak acara acara sukan yang di anjurkan oleh sekolah. Rumah Kuning telah menjadi Johan dalam Temasya Sukan Tahunan Sekolah di Stadium Merdeka.

Di samping menjadi johan dalam Temasya Sukan, Rumah Kuning juga telah muncul sebagai johan dalam acara Lari berganti ganti Lebuh Raya dengan mengalahkan rumah rumah lain. Rumah ini juga telah berjaya di dalam beberapa pertandingan permainan iaitu seperti Bola sepak, Badminton dan Ping Pong yang mana Rumah Kuning telah menjadi johan dan menjadi naib johan dalam permainan dalam permainan Bola Keranjang. Akhir sekali saya bagi pihak Rumah Kuning ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada guru penasihat Rumah Kuning, Puan Low Kim Seng dan juga guru-guru yang telah berusaha untuk menaikkan nama Rumah Kuning dan tidak ketinggalan pula kepada murid-murid dari Rumah Kuning yang telah berusaha dengan gigih dalam acara acara sukan dan permainan permainan yang telah di adakan.


Saya sebagai setiausaha berharap supaya Rumah Kuning akan mencapai kejayaan yang lebih cemerlang lagi bagi meninggikan imej Rumah Kuning.

Sekian.

"MAJULAH SUKAN UNTUK RUMAH KUNING DAN NEGARA"

Setiausaha
Sulaiman Bin Abdul Lamin

RUMAH BIRU



BERDIRI BARISAN ATAS:
Johnson Dass, Steven Chong, Harvinder Singh, Ong Wah Tong, Tan Kok Yew.
BERDIRI DARI KIRI KE KANAN:
Roger Loo, Jagdev Singh, Ganesh, Tew Kim Yee, Wan Mazli Ravichandran, Ong Ah Goh.
DUDUK DARI KIRI KE KANAN:
Mr. Arumugam T., Mrs. Hoo, Pn. Rahani, Sito, Tan Kim Chew, Gurucharan, Pn. Yee (T-in-charge), Pn. Low, Mr. Benedict.

Tahun ini pasukan Rumah Biru telah menunjukkan semangat kesukanan dan perasaan penuh dedikasi semasa pertarungan di gelanggang permainan.

Akan tetapi, kita kurang bernasib baik kerana hanya berjaya menjadi naib johan dalam kebanyakan lapangan yang kita sertai.

Walaubagaimanapun, kedudukan Rumah Biru,semakin stabil dan harapan untuk menjadi johan semakin cerah.

Acara-acara puncak kita terdiri daripada Squash (dimana kita kalah dalam pertandingan akhir dengan 1–2), acara balapan dan padang, tenis, bulu tangkis, ping pong, (kalah 1–4 dalam pertandingan akhir), bolatampar dan lain-lain.

Walaupun kami mengalami kekalahan, ketabahan dan corak permainan yang disampaikan oleh tiap-tiap pemain kita amatlah memuaskan.

Saya bagi pihak guru-guru dan murid-murid tingkatan 5 ingin menempatkan harapan kita kepada bakal-bakal penggan ti supaya bekerja keras dan menunjukkan suatu kejayaan yang lebih baik.

SITO KOK HOONG
Setiausaha

RUMAH UNGU



DUDUK DARI KIRI KE KANAN:
Puan Pui Cheng Wui, Cik Sampoornam, Puan Mariam bte. Mat Isa, En. James Amoz, Yogeswaren, (ketua rumah), Janatulfridous, En. Andrew James, En. Ho Nee Yong, En. Mohd. Ali.

BERDIRI BARISAN PERTAMA:
Yong Yoon Seng, Lai Yew Kuan, Avtar Singh, Lim Aik Lee, George, Kalai Selvan, Azman, Surinder Singh, Chew Weng Cheong.

BERDIRI BARISAN KEDUA:
Eng Onn, Wee Chong Pak, Wong Leong Seng, Thang Chin Heng, Leng Tuck Meng, Surinder Singh.

Sukan Tahunan

Pada tahun ini pencapaian rumah ungu memuaskan dari tahun-tahun sudah. Kami bershukur diatas kejayaan peserta-peserta kami yang telah mencuba sedaya upaya dan menunjukkan semangat kesukanan dalam sukan ini. Tahun ini rumah kami mendapat tempat ketiga selepas rumah kuning dan hijau tetapi naib johan bersama dalam rumah hijau.

Merentas Desa

Tahun ini kami kekurangan pelari jarak jauh, jadi dalam acara ini rumah kami mendapat tempat keempat.

Berikut ialah keputusan:—

i) Kelas III ———Tempat 1
ii) Kelas II ——— Tempat 3
iii) Kelas I ——— Tempat 4

Perlawanan antara Rumah

Pada penggal pertama, selepas sukan tahunan kami telah bertemu dengan rumah Biru dan telah berjaya ke peringkat suku akhir dan bertemu dengan rumah Merah tetapi tidak berjaya ke peringkat akhir. Bagi perlawanan bola tampar, rumah kita mendapat tempat pertama.


i) Catur ——— Johan
ii) Ping Pong ——— Tempat ke–4

Kami telah bersungguh-sungguh mengambil bahagian demi berjayanya rumah ungu. Di sini kami murid-murid rumah ungu berterima kasih kepada guru-guru penasihat kami atas tunjuk ajar dan dedikasi mereka terhadap rumah ungu.

Sekian. Terima kasih.

Ketua Rumah Kehormat
T. Yogeswaren

RUMAH HIJAU



DUDUK KIRI KE KANAN:
Choo Cheow Piew (Vice President), Selarajan, Lai Yew Bun, Jasbir. S (President), En. Su Tu Fong, Puan Wong, Puan Hajah Halimah, Snadarajan, Ramesh.
BERDIRI KIRI KE KANAN:
Yap Seng Guan, Lew Choon, Kumar, Ramani, Mathilagan (Setiausaha), Sharuddin, Huzaimei, Badrul, Faisal Ahmad, Yap Mew Chuan,Bernard Soloman.

Sukan Tahunan

Dalam Sukan Tahunan, prestasi Rumah Hijau telah meningkat, tidak seperti pada tahun-tahun sudah di mana kedudukan rumah hijau tidak begitu memuaskan. Pada mulanya, rumah hijau hanya menduduki tempat ke-empat, tetapi dengan semangat kesukanan yang ada pada mereka tidak pernah putus asa dan dengan itu kami telah berjaya menewaskan rumah-rumah lain dan seterusnya muncul sebagai naib johan. Di samping itu kami juga telah mencipta suatu rekod baru dalam acara lompat tinggi.

Acara Lari Berganti-ganti Lebur Raya

Tahun ini, peserta-peserta dari rumah hijau telah berusaha sedaya upaya, untuk menguasai acara ini, tetapi telah ditewaskan oleh peserta-peserta yang lebih handal. Namun begitu kami tetap bangga dengan kedudukan tempat ke-tiga.

Berikut ada keputusan:

i) Kelas III ——— tempat 1
ii) Kelas II ——— tempat 2
iii) Kelas I ——— tempat 4

Pertandingan antara rumah-rumah

Setakat lapuran ini ditulis, kami telah berjaya merangkul johan dalam acara Sepak Takraw, Ping Pong dan berjaya menduduki tempat ke-tiga didalamlain-lain acara dengan semangat kesukanan yang tinggi.

Akhir sekali saya bagi pihak rumah hijau mengambil kesempatan ini mengucapkan ribuan terima kasih kepada guru penasihat Puan Wong, guru-guru penasihat yang lain, (ketua rumah) Jasbir Singh dan ahli-ahli Rumah Hijau kerana sanggup bertungkus lumus untuk menaikkan rumah hijau.

MAJULAN HENDAKNYA RUMAH HIJAU

Setiausaha
Mathayalagan

TEMASYA SUKAN TAHUNAN

Tarikh diadakan : Hari Khamis 15hb. Mac 1984
Mulai pukul 2.00 petang

Tempat : Stadium Merdeka

Acara	Pemenang-Pemenang	Rumah	M/J/T	Rekod
Lompat Jauh Kelas 1	1. Ang Kim Hing	Kuning	5.21m	5.97m
	2. Saravanan	Merah		
	3. Tan Kim Chew	Biru		
Lompat Jauh Kelas 2	1. Wong Yow Fui	Hijau	4.32m	4.67m
	2. Chong Kok Kee	Ungu		
	3. Tok Hum Liang	Biru		
Lompat Tinggi Kelas 1	1. Huzainee Hassan	Hijau	1.67m (R)	1.65m
	2. Wong Leong Seng	Ungu		
	3. Ang Kim Hing	Kuning		
Lompat Tinggi Kelas 2	1. Chai Kim Teck	Hijau	1.43m	1.56m
	2. Voon Pak Kian	Merah		
	3. Teoh Han Boon	Kuning		
Lompat Tinggi Kelas 3	1. Mah Choon Kiang	Merah	1.50m (R)	1.45m
	2. Chew Kah Kee	Ungu		
	3. Wong Yow Fui	Hijau		
Lompat Kijang Kelas 1	1. Manimaran	Merah	10.56m	12.30m
	2. Ang Kim Hing	Kuning		
	3. Wong Leong Seng	Ungu		
Lompat Kijang Kelas 2	1. Ramalingam	Biru	10.32m	11.15m
	2. Teoh Han Boon	Kuning		
	3. Phang Sing Yap	Merah		
Lontar Peluru Kelas 1	1. Huzainee Hassan	Hijau	9.20m	11.21m
	2. Gabriel Peter	Kuning		
	3. Tay Seng Fatt	Hijau		
Lontar Peluru Kelas 2	1. Goh Tuan Bue	Ungu	9.06m	9.75m
	2. Wong Chee Wai	Kuning		
	3. Mohd. Mashudi	Biru		
Lempar Cakera Kelas 1	1. Wee Chung Pak	Ungu		24.78m
	2. Huzainee	Hijau		
	3. Gabriel Peter	Kuning		

Lempar Cakera Kelas 2	1. Wong Chee Wai	Kuning	29.70m (R)	29.60m
	2. Mohd. Saffir	Biru		
	3. Mohd. Mashudi	Biru		
1,500m Terbuka	1. Gopinathan	Kuning	4'49.0"	4'36.0"
	2. Mari Senivasagam	Biru		
	3. Segar	Ungu		
100m. Kelas 3	1. Chew Kah Kee	Ungu	12.9"	12.5"
	2. Lim Toh Leong	Hijau		
	3. Wong Yow Fui	Hijau		
100m. Kelas 2	1. Hamid b. Sharif	Hijau	12.2"	12.0"
	2. Tan Kien Beng	Hijau	12.2"	12.0"
	3. Azahari b. Dahli	Ungu		
100m. Kelas 1	1. Daud b. Musa	Kuning	12.3"	11.3"
	2. Nadarajah	Hijau		
	3. Tan Kim Chiew	Biru		
200m. Kelas 3	1. Chew Kah Kee	Ungu	27.1"	26.0"
	2. Mah Choon Kiang	Merah		
	3. Oh Chai Ong	Biru		
200m. Kelas 2	1. Hamid b. Sharif	Hijau	25.2"	25.1"
	2. Tan Kien Beng	Hijau		
	3. Azahari b. Dahli	Ungu		
200m. Kelas 1	1. Tan Kim Chiew	Biru	25.0"	24.0"
	2. Daud b. Musa	Kuning		
	3. Chew Weng Cheong	Ungu		
400m. Kelas 3	1. Chandra Sekaran	Ungu	64.6"(R)	67.0"
	2. Tan Kok Leong	Biru		
	3. Lim Tok Leong	Hijau		
400m. Kelas 2	1. Selva Segaran	Ungu	61.1"	59.0"
	2. Nathan	Biru		
	3. Chandrasegar	Merah		
400m. Kelas 1	1. Gabriel Peter	Kuning	56.3"	54.8"
	2. Rajathilakar	Merah		
	3. Tan Boon Ming	Hijau		

Acara Prefect

1. Chong Chee Wai & Yun Yow Fun
2. Johnson & Ruslizawati
3. Edmund & Yooi Foong Hing

4 x 100m. Kelas 3	1. Ungu 2. Hijau 3. Merah		56.1"	55.6"
4 x 100m. Kelas 2	1. Kuning 2. Hijau 3. Merah		51.1"	50.8"
4 x 100m. Kelas 1	1. Kuning 2. Biru 3. Ungu		48.6" (R)	48.7"
Lari Berganti-ganti Ketam	1. Hijau 2. Merah 3. Biru			
4 x 400m. Kelas 3	1. Hijau 2. Merah 3. Ungu		4'50.0"	–
4 x 400m. Kelas 2	1. Kuning 2. Ungu 3. Biru		4'12.2"	4'9.4"
4 x 400m. Kelas 1	1. Kuning 2. Merah 3. Hijau		4'0.5"	3'56.0"
Acara Pengakap	1. Patrol Hawk 2. Patrol Woodpecker 3. Patrol Eagle			
800m. O.B.A.	1. Shanmugam 2. Jerry 3. V. Krishnasamy		2'18.3"q	1'54.8"
800m. Kelas 2	1. Gopinathan 2. Selvasegaran 3. S. Nyanasegaran	Kuning Ungu Hijau	2'21.9" (R)	2'22.2"
800m. Kelas 1	1. Rajathilakar 2. Manimaran 3. Mathialagan	Merah Merah Hijau	2'22.1"	2'14.2"
4 x 100m. Sekolah melawan O.B.A.	1. M.B.S. 2. O.B.A.		48.4"	46.8"

3,000m. Terbuka	1. Gopinathan	Kuning	11'68.0"	10'40.0
	2. Chandrasegaran	Merah		
	3. Marinasegaran	Biru		
	4. Rajathilakar	Merah		
	5. G. Murasu	Merah		
	6. N. Anthony	Kuning		

Johan Kelas 1	: :	Huzainee Hassan	Hijau
Johan Kelas 2	:	W ong Chee Wai	Kuning
Johan Kelas 3	:	Chew Kah Kee	Ungu

Johan Rumah Kelas 1	:	Kuning
Johan Rumah Kelas 2	:	Kuning
Johan Rumah Kelas 3	:	Ungu & Hijau
Johan Seseluruhan		
Johan Keseluruhan	:	Kuning
Johan House Mistress	:	Mrs. Low Kim Seng Kuning

Kedudukan Rumah-rumah

Kedudukan	Rumah	Terbuka	Kelas 1	Kelas 2	Kelas 3	Jumlah
Johan	Kuning	28	41	41	0	111
Kedua	Hijau	24	22	27	32	105
Ketiga	Ungu	13	13	24	32	82
Keempat	Merah	22	24	5	21	72
Kelima	Biru	12	12	16	8	48

With Best Compliments from

SYARIKAT PERNIAGAAN SINAR SURIA

No. 18, Jalan SS 4C/22 Petaling Jaya.
Tel: 751613

SCHOOL SUPPLIES, EDUCATIONAL, TEXT, REVISION, LIBRARY, COOKERY, AND EXERCISE BOOKS, TEACHING AIDS, SPORT GOODS, TROPHIES, T-SHIRTS, STATIONERY PRINTING WORKS, RUBBER STAMPS, NAME TAG, PUBLISHERS REPRESENTATIVE, ELECTRICAL PRODUCTS ETC.

SPORTS DAY


















KEPUTUSAN SUKAN M.S.S.W.P. 1984

PERINGKAT DAERAH (Zon Sentul)

Bola tampar:

Bawah 18 tahun	:	M.B.S. lawan S.M. Jalan Temerloh	menang	3 – 0
		M.B.S. lawan S.M. kepong Baru	kalah	1 – 2
		M.B.S. lawan S.M. Jiniang	menang	3 – 1
		M.B.S. lawan S.M. Kepong Baru	kalah	1 – 3
		M.B.S. menjadi NAIB JOHAN DAERAH SENTUL		
Bawah 15 tahun	:	M.B.S. lawan S.M. Jalan Temerloh	menang	2 – 1
		M.B.S. lawan S.M. La Salle	menang	3 – 0
		M.B.S. lawan S.M. Raja Abdullah	menang	2 – 0
		M.B.S. lawan S.M. Kepong Baru	menang	2 – 1
		M.B.S. menjadi JOHAN DAERAH SENTUL		

Badminton:

Bawah 18 tahun	:	M.B.S. lawan S.M. Jinjang	menang	4 – 1
		M.B.S. lawan S.M. Jalan Temerloh	kalah	2 – 3
Bawah 15 tahun	:	M.B.S. lawan Sekolah Indonesia	kalah	0 – 5

Sepak takraw:

Bawah 18 tahun	:	M.B.S. lawan S.M. Raja Ali	menang	3 – 0
		M.B.S. lawan S.M. Raja Abdullah	menang	3 – 0
		M.B.S. lawan S.M. Maxwell	menang	2 – 1
		M.B.S. lawan S.M. Jalan Temerloh	menang	3 – 0
		M.B.S. menjadi JOHAN DAERAH SENTUL		
Bawah 15 tahun	:	M.B.S. lawan S.M. Jalan Temerloh	menang	3 – 0
		M.B.S. lawan S.M. Maxwell	kalah	1 – 2
		M.B.S. lawan S.M. Raja Abdullah	menang	3 – 0
		M.B.S. lawan S.M. Maxwell	menang	2 – 1
		M.B.S. menjadi JOHAN DAERAH SENTUL		
Bukan Melayu	:	M.B.S. lawan S.M. Raja Ali	kalah	0 – 1
		M.B.S. lawan S.M. Maxwell	kalah	0 – 1

Bola sepak:

Bawah 18 tahun	:	M.B.S. lawan S.M. Raja Abdullah	kalah	0 – 1
		M.B.S. lawan S.M. Jinjang	menang	4 – 2
		M.B.S. lawan S.M. Kepong Baru	seri	2 – 2
Bawah 15 tahun	:	M.B.S. lawan S.M. Kepong Baru	menang	3 – 0
		M.B.S. lawan S.M. Jalan Temerloh	seri	1 – 1
		M.B.S. lawan S.M. La Salle	kalah	0 – 1
		M.B.S. lawan S.M. Raja Abdullah	kalah	0 – 1

Hoki:

Bawah 18 tahun	:	M.B.S. lawan S.M. Raja Abdullah	menang	2 – 0
		M.B.S. lawan S.M. Jalan Temerloh	kalah	2 – 3
		M.B.S. lawan S.M. Jalan Maxwell	seri	0 – 0
		M.B.S. lawan S.M. Raja Ali	seri	0 – 0

Bolakeranjang:

Bawah 18 tahun	:	M.B.S. lawan S.M. Jinjang	kalah
		M.B.S. lawan S.M. Raja Abdullah	kalah
		M.B.S. lawan S.M. Jalan Temerloh	menang
Bawah 15 tahun	:	M.B.S. lawan S.M. Jinjang	kalah
		M.B.S. lawan S.M. Raja Abdullah	menang
		M.B.S. lawan S.M. Jalan Temerloh	menang
		M.B.S. menjadi NAIB JOHAN SENTUL	

Bawah 15 tahun	:	M.B.S. lawan S.M. La Salle	kalah	0 – 13
		M.B.S. lawan S.M. Raja Abdullah	menang	2 – 0
		M.B.S. lawan S.M. Jalan Temerloh	kalah	1 – 4
		M.B.S. lawan S.M. Raja Ali	kalah	0 – 5

Ping Pong:

Bawah 18 tahun	:	M.B.S. lawan S.M. Jalan Maxwell	kalah
Bawah 15 tahun	:	JOHAN PERSAORANGAN DAERAH SENTUL JOHAN BERGU DAERAH SENTUL	

Catur:

Bawah 18 tahun	:	M.B.S. lawan S.M. Raja Abdullah	menang	4 – 1
		M.B.S. lawan S.M. Raja Ali	menang	3 – 2
		M.B.S. lawan S.M. Jalan Maxwell	kalah	1 – 4
		M.B.S. lawan S.M. Jalan Temerloh	kalah	1 – 4
		Peringkat M.S.S. Wilayah Persekutuan.		

PERINGKAT M.S.S. WILAYAH PERSEKUTUAN

Bola tampar:

Bawah 18 tahun	:	M.B.S. lawan S.M. Confucian	kalah	0 – 3
		M.B.S. lawan S.M. Victoria (VI)	kalah	0 – 3
		M.B.S. lawan S.M. Vokasional	menang	3 – 0
Bawah 15 tahun	:	M.B.S. lawan S.M. Alam Syah	menang	3 – 1
		M.B.S. lawan S.M. Taman Desa	kalah	1 – 3
		M.B.S. lawan S.M. Jalan Ampang	kalah	2 – 3

Sepak takraw:

Bawah 18 tahun	:	M.B.S. lawan Zon Pudu	menang	2 – 1
		M.B.S. lawan Zon Keramat	kalah	1 – 2
		M.B.S. lawan Zon Bangsar	kalah	1 – 2
		M.B.S. menduduki tempat ketiga.		
Bawah 15 tahun	:	M.B.S. lawan Zon Pudu	kalah	3 – 0
		M.B.S. lawan Zon Keramat	kalah	1 – 2

Bolakeranjang.

Bawah 15 tahun	:	M.B.S. lawan Sek. Tinggi Setapak	menang
		M.B.S. lawan Maktab Tentera	kalah

Ping Pong·

Bawah 15 tahun	:	JOHAN PERSAORANGAN WILAYAH PERSEKUTUAN

Olahraga:

Januari	:	Merentas Desa anjuran A.A.A. Selangor–Wilayah Persekutuan Bahagian Junior. Pasukan MBS A mendapat tempat kedua. Pasukan MBS B mendapat tempat ketiga Persaorangan; M. Rajathilakar mendapat tempat keempat M. Mathialagan mendapat tempat kelima.

Februari : 20 km – KL marathon anjuran Suratkhabar Star;
K. Gopinathan mendapat tempat ke 24.
M. Rajathilakar mendapat tempat ke 27.
(Hadiah sampai ke 100).

Mac : Lari Lebuhraya 4 x 3 km Piala Pusingan Datuk Bandar MSSWP;
Bawah umur 15 tahun mendapat tempat ketiga.
Bawah umur 18 tahun menjadi JOHAN memnangi piala pusingan Datuk Bandar.

April : Lari Lebuhraya Amerikan Embassy;
Pasukan MBS A menjadi JOHAN.

Mei : Olahraga M.S.S.W.P.

Lempar cakera kelas 2	:	Shahrul Nazri	– Pertama
Lontar peluru kelas 2	:	Shahrul Nazri	– Ketiga
1,500 m kelas 2	:	K. Gopinathan	– Pertama
5,000 m Terbuka	:	K. Gopinathan	– Keempat
Lompat tinggi kelas 3	:	Mah Choon Kiang	– Ketiga
3,000 m lari belakang	:	M. Mathialagan	– Keempat

Keputusan Keseluruhan:
M.B.S. mendapat tempat ke 7 lebih kurang 40 buah sekolah.

PERTANDINGAN PERISAI SINGAM
(Antara Rumah)

Permainan	R. Biru		R. Hijau		R. Merah		R. Ungu		R. Kuning	
	K1	K2	K1	K2	K1	K2	K1	K2	K1	K2
Bulu Tangkis			1						2	
Squash	1				2					
Carroms	1								2	
Tenis					1		2			
Sepak Takraw	1	1	2					2		
Bola Sepak					1	2		1	2	
Hoki										
Bola Tampar	1			1		2	2			
Ping Pong	1	1	1	2						2
Bola Keranjang						2	2	1	1	
Catur				1			2			2
Jumlah	8		8		12		12		11	

Pemenang Perisai Singam : Rumah Merah dan Rumah Ungu

KEPUTUSAN LARI BERGANTI–GANTI LEBUH RAYA 1984

Kedudukan	Kelas 1	Kelas 2	Kelas 3	Kelas 4
1	Pas. No. 10 Merah	Pas. No. 27 Kuning	Pas. No. 48 Kuning	Pas. No. 64 Hijau
2.	Pas. No. 13 Ungu	Pas. No. 33 Ungu	Pas. No. 47 Kuning	Pas. No. 67 Kuning
3.	Pas. No. 07 Kuning	Pas. No. 29 Kuning	Pas. No. 41 Biru	Pas. No. 70 Merah
4.	Pas. No. 01 Biru	Pas. No. 21 Biru	Pas. No. 44 Hijau	Pas. No. 66 Hijau
5.	Pas. No. 04 Hijau	Pas. No. 34 Ungu	Pas. No. 49 Kuning	Pas. No. 71 Merah
6.	Pas. No. 02 Biru	Pas. No. 30 Merah	Pas. No. 54 Ungu	Pas. No. 68 Kuning
7.	Pas. No. 11 Merah	Pas. No. 26 Hijau	Pas. No. 42 Biru	Pas. No. 75 Ungu
8.	Pas. No. 05 Hijau	Pas. No. 25 Hijau	Pas. No. 46 Hijau	Pas. No. 74 Ungu
9.	Pas. No. 03 Biru	Pas. No. 28 Kuning	Pas. No. 51 Merah	Pas. No. 69 Kuning
10.	Pas. No. 09 Kuning	Pas. No. 23 Biru	Pas. No. 53 Ungu	Pas. No. 74 Ungu
Masa	50 min 36 saat	55 min 12 saat	59 min 02 saat	66 min 31 saat

Kedudukan Rumah-rumah :

Johan	:	Rumah Kuning	47 markah
Kedua	:	Rumah Merah	18 markah
Ketiga	:	Rumah Hijau	18 markah
Keempat	:	Rumah Ungu	17 markah
Kelima	:	Rumah Biru	12 markah

Keputusan Standard Sports 1984

Johan : Rumah Hijau – 867 markah
Kedua : Rumah Merah – 805 markah
Ketiga : Rumah Ungu – 799 markah
Keempat: Rumah Biru – 674 markah
Kelima : Rumah Kuning– 644 markah

Murid-murid yang telah mendapat Markah Penuh:

1.	Ravichandram	5 Sc. 1
2.	Manimaran	5 Sc. 1
3.	Sin Harn Ming	5 Sc. 2
4.	Jasbir Singh	5 Sc. 2
5.	K.T. Victor	5 Sc. 2
6.	Johnson Dass	5 Sas.1
7.	Saravanan	5 Sas. 2
8.	Tan Kim Chew	5 Sas. 3
9.	Gabriel Peter	5 Sas. 3
10.	Mathialagam	5 Sas. 4
11.	Goh Ah Teck	3 Beta
12.	Azahari	3 Omega
13.	Nathan	2 Ferrum
14.	Sia Chiew Howe	2 Aurrum

ROAD RELAY & MARATHON TEAM '84


















SPORTS


SCHOOL TEAMS



LARI BERGANTI–GANTI LEBUHRAYA



OLAHRAGA JARAK JAUH



OLAHRAGA JARAK DEKAT



PASUKAN SQUASH



VOLLEYBALL U–18



PASUKAN HOKI BAWAH 18 TAHUN



BASKETBALL U–18



BOLA KERANJANG BAWAH 15 TAHUN



BOLA SEPAK BAWAH 15 TAHUN



BOLA SEPAK BAWAH 18 TAHUN



PASUKAN SEPAKTAKRAW BAWAH 15 TAHUN



SEPAK TAKRAW BUKAN MELAYU

"SUDAH TERANTUK BARU TERNGADAH"

Maksud peribahasa "sudah terantuk baru terngadah" sangat sesuai ditujukan kepada seseorang yang telah ditimpa kemalangan atau tertipu baru hendak berjaga-jaga dan berwaspada. Sifat ini tidak harus diamalkan, terutama sekali dikalangan pelajar-pelajar. Mereka ini haruslah bertanggung jawab dan menumpukan perhatian terhadap pelajarannya setiap waktu.

Sabri adalah seorang pelajar Tingkatan Lima. Pada penghujung tahun, dia akan meduduki peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Bagi diri Sabri, ada lima bulan lagi sebelum peperiksaan dan rasanya, masih terlalu awal untuk belajar dan membuat peperiksaan.

Setiap hari dia asyik bergiat dalam sukan dan tidak kurang pula masa lapangnya dihabiskan dengan berpoya-poya ke sana kemari bersama-sama kawan-kawannva.

Apabila ditegur oleh kedua ibu bapanya, dia menyatakan ada banyak masa lagi untuk beliau membuat persiapan dan mengulangkaji pelajarannya. Lama-kelamaan dia terjerumus dalam dunia kelalaiannya itu.

Sebulan kemudian, sebelum peperiksaan dimulakan dia mula panik dan mulalah dia belajar hingga larut malam kadang-kadang sampai pukul dua atau tiga pagi. Dia berbuat demikian hampir setiap hari Apabila berada di sekolah, dia tidak dapat mengikuti ajaran-ajaran gurunya kerana terlalu letih.

Pada hari peperiksaan, Sabri kelihatan letih dan lesu. Semasa ujian dijalankan, dia tidak dapat menjawab soalan-soalan peperiksaan dengan baik. Fikirannya buntu dan terganggu. Dia tidak dapat berfikir dengan tenang semasa menjawab soslan-soalan peperiksaan. Apa yang dibacanya sebulan lalu, adalah terlalu banyak untuk masa yang sesingkat itu dan semuanya telah bercampur-aduk.

Apabila keputusan diumumkan, Sabri mendapati dirinya gagal. Memang sudah ternyata bahawa dia akan gagal. Dia bernasib baik kerana masih berpeluang untuk mengambil peperiksaan tersebut sekali lagi di sekolah yang sama.

Perbuatan Sabri adakah seperti "sudah terantuk baru terngadah." Segala perbuatannya telah merugikan dirinya sendiri, kerana dia terpaksa menghabiskan masa setahun lagi untuk menduduki peperiksaan yang sama. Sebaliknya dia mungkin akan ketingkatan enam ataupun ke Maktab, jikalau dia berusaha dari mula.

Oleh itu seseorang pelajar haruslah senantiasa berjaga-jaga dan belajar setiap masa. Tugas utama seseorang pelajar ialah menumpukan perhatian yang sepenuhnya terhadap pelajaran. Elakkan diri dari mengingati tentang hal-hal yang lain seperti soal-soal percintaan, ingin menikmati keseronokan-keseronokan yang tidak mendatangkan faedah seperti merokok dan suka berpoya-poya serta meninggalkan pelajaran hingga saat-saat akhir menghadapi peperiksaan.

Peperiksaan SPM adalah amat penting kerana ia adalah bagaikan batu loncatan untuk menentukan samaada seseorang itu akan meneruskan pelajarannya atau terpaksa menggantung beg sekolahnya dan mencari pekerjaan. Mendapat sesuatu pekerjaan yang sesuai juga bergantung keputusan peperiksaan seperti SPM dan sebagainya.

Oleh yang demikian saya menasihatkan agar semua pelajar di Sekolah Menengah Lelaki Methodist, Sentul, dan pada mereka yang membaca petikan ini, agar berusaha bersungguh-sungguh, andainya sesuatu kejayaan hanya akan tercapai jika ada usaha, bak kata pepatah Melayu "kalau ada kemahuan, tentu ada jalannya". Supaya kamu akan berjaya dalam sesuatu kemahiran dan dapat mengharumkan negara, nusa dan bangsa yang tercinta

HASIL CORETAN
S. MANIMARAN
5 Sains 1

KOMPANG

Konsep permainan tradisional begitu luas, meliputi bidang sukan, muzik, seni, certa-cerita lisan dan drama amnya.

Sejenis permainan tradisi Melayu yang unggul tetapi masih utuh dan kian hari begitu popular di sisi masyarakat hari ini ialah permainan kompang. Permainan ini memerlukan bilangan pemain yang ramai dan telah lama bertapak di bumi Malaysia ini. Ia percayai berasal dari negeri Johor.

Diperbuat daripada kayu yang keras iaitu untuk bahagian pemegangnya, sementara permukaan yang hendak dipukul itu diperbuat daripada kulit lembu atau kambing yang telah dikikis licin-licin bulunya. Untuk menegangkan lagi kulitnya kompang yang telah siap itu tadi kemudiannya dijemur pada panas matahari. Akhir sekali ruang dalam nya kemudian diketatkan lagi dengan wayar atau rotan yang di panggil 'sedak'. Tujuan dibuat demikian ialah supaya ia menghasilkan bunyi yang baik dan berdenggung bila di pukul.

Demikianlah serba ringkas pembuatan suatu lagi unsur seni dalam permainan tradisi masyarakat Melayu yang dipanggil kompang. Sementelahan untuk mencantikkan lagi pada permukaan kompang ini dicopkan dengan anika lambang atau logo yang dicat warna-warni mengikut kesukaan atau ketetapan oleh sesebuah pasukan kompang itu.

Dengan harganya yang murah malah senang pula dibawa berbanding dengan lain-lain jenis permainan tradisi tetapi prinsip kerjanya seribu guna.

Kalau dulu sudah lumrah masyarakat majmuk Melayu mengunakan kompang di majlis-majlis perkahwinan sahaja tetapi kini di majlis perkhataman Quran atau Tilawatil Quran, majlis berkhatan, majlis bercukur anak, menyambut menteri-menteri atau orang-orang kenamaan dan tidak ketinggalan juga kompang digunakan jika ada perayaan yang besar-besaran.

Secara tak langsung, kompang telah meninggalkan taraf amatur atau tradisi yang dipegangnya dahulu dan kini beralih ke era yang bertaraf antarabangsa pula.

Ini jelas diakui setelah ia bersaing hebat berentap dengan jenis-jenis kumpulan muzik lain samada tradisi atau moden sekali pun zaman sudah bergelar sains dan teknologi.

Apa yang lebih menarik dalam permainan kompang ini ialah gerak tangan si pemain itu. Dapat kita saksikan suatu corak dan gaya pukul tangan si pemain yang berselang seli dipalu pada permukaan kulit kompang tersebut. Namun bunyinya tidak bercelaru malah sedap pula didengar bila setiap pukulan itu digadung dan dipukul serentak mengikut arahan si ketuanya. Ditambah lagi mereka yang menjadi raja sehari. Jantung hati juga turut berpalu, tak sabar menatap bulan yang sedang diriba dan dalam genggaman pula.....

Kalau dulu permainan ini hanya dimonopoli oleh golongan tua yang sudah berumur sahaja tetapi kini ia telah menjadi kegemaran belia-belia belasan tahun malah disetengah-setengah tempat ia dimonopoli pula oleh kalangan kanak-kanak yang hampir meningkat belia. Secara praktisnya permainan kompang pembasmi bagi kalangan kanak-kanak atau para belia khususnya, dari tercebur ke lembah dadah, menghisap rokok (terutamanya lelaki) atau membuang masa merayau ke hulu ke hilir tanpa sebarang tujuan.

Oleh itu para pelajar adalah digalakkan supaya menceburkan diri ke dalam pasukan kompang di mana-mana sahaja sebagai memenuhi aktiviti-aktiviti di masa lapang atau di musim cuti sekolah.

Antara nama-nama pasukan kompang yang sudah terkenal kepopularannya ialah pasukan Seni Kompang Ezhar, Kompang Sinar Dua Belas, Kompang Jawa, Kompang Fatani dan berpuluh nama lain lagi. Demikianlah tersebarnya satu lagi permainan tradisi tetapi berteras moden yang tetap kukuh merinti titian zaman bersama-sama permainan tradisi yang lain.

HASIL KARYA:- A. RAHIM UDIN
5 Sains 2

"SINAR PENGHARAPAN"

Burung-burung terbang beriringan pulang ke sarang. Bayu petang menepis anak rambutku. Aku duduk termenung di anjung rumah. Mataku memusat ke tengah bendang peninggalan ayahku. Hanya itulah satu-satunya menjadi kebanggaanku iaitu tanah milik ayahku. Sejak usiaku lima tahun, ayah menghilang diri tanpa diketahui arah tujuannya. Malah raut muka ayah pun telah aku lupa, hanya menjadi tanda bagiku ialah tahi lalat di pipi kanannya. Menurut nenek ayahku segak dan tampan. Aku mewarisi ketampanan ayahku. Aku cukup bangga sekali bila teman di kampus mengatakan wajahku mirip penyanyi/pelakun Dharmendra. Maklumlah, manusia cukup senang bila dipuji.

Sebenarnya aku sedang menghabiskan cutiku untuk tahun terakhir di kampus. Aku pulang ke kampung untuk menolong ibu menuai padi yang masak. Dua minggu lagi konvokesyen akan diadakan. Aku adalah salah seorang dari ratusan para siswa yang akan menerima ijazah. Ibu cukup bangga dengan kejayaanku. Malah orang kampungku juga cukup bangga dengan kejayaanku. Tapi adakah ayahku juga turut bangga dengan kejayaanku? Sudah tentu, kerana kata ibu, ayah ingin melihat aku menjadi orang penting dalam kerajaan. Oleh itu aku telah memilih jurusan ekonomi sebagai jurusan untuk aku pelajari semasa di Universiti. Setiap cuti semester aku balik kampung, tentu ada saja ibu bapa yang menghantar anak mereka untuk belajar denganku.

Aku sering berharap agar kejayaanku ini akan menjadi dorongan untuk anak-anak muda di kampung untuk melanjutkan pelajaran mereka ke Universiti. Namun kegembiraanku menyambut konvo ini serasa tidak bererti kerana ayahku tiada di sisiku. Jikaku tahu di mana ayah berada, akanku terbang menemuinya agar bersamaku di konvo. Tetapi ibu sangat merahsiakan tentang ayah. Katanya, "sampai masanya nanti, kau akan tahu juga tentang kedudukan yang sebenar."

Disuatu pagi aku menyuarakan perkara ini kepada ibu, "Bu, lusa adalah hari ulang tahun Din yang ke 23. Din rasa, Din dah cukup dewasa untuk menanya sesuatu tentang ayah. Selama ini Din memendam rasa dan untuk mencari ayah. Tolonglah bu! Beritahu Din di mana ayah berada kerana Din ingin ayah turut serta meraikan kejayaan Din di knovokesyen nanti. Ingin Din dakap ayah untuk menyatakan betapa berertinya ayah dalam hidup Din. Tolonglah bu, janganlah ibu seksa jiwa Din disaat kegembiraan yang bakal mendatang ini." Begitulah rayuku pada ibu dengan rasa hiba.

Buat seketika waktu ibu membisu. Akhirnya dengan wajah yang tenang ia berkata, "Din, ibu mengerti akan perasaanmu, malah ibu juga dapat rasakan kesedihan di hatimu. Ibu telah berbincang dengan datuk dan nenekmu dan kami rasa kau telah cukup dewasa untuk memahami perkara yang sebenarnya. Begini Din . . . . . .

Lapan belas tahun yang lalu, ayahmu adalah seorang nelayan. Kehidupan kita sekeluarga amatlah susah. Ayahmu kerapkali meminjam wang dari Taukeh Ah Fatt, iaitu seorang pekedai di kampung ini pada masa dahulu. Semakin lama semakin banyakpula hutangnya. Ayahmu diberi tempuh yang singkat untuk menjelaskan kesemua hutangnya yang berjumlah sebanyak $3000/-. Kata dua diberikan pada ayahmu sama ada menjualkan tanah dan tapak rumah yang kita duduki selama ini atau memasuki kumpulan anti kerajaan.

Tentulah ini amatlah amat menyulitkan untuk ayahmu membuat keputusan dan kata putus. Akhirnya ayahmu mengambil keputusan untuk meninggalkan kita berdua beranak buat sementara waktu kerana terpaksa memasuki gerakan anti kerajaan. Tetapi kerana memikirkan masa depan kita, ayahmu terpaksa mengalah. Jika tanah ini dijual, tidak adalah tempat untuk kita berteduh dari hujan dan panas. Sebelum, dia pergi ayahmu berpesan agar perkara ini tidak sampai kepengetahuanmu sehinggalah kau dapat menerima perkara yang sebenarnya, Dia minta ibu membesarkanmu dengan baik. Walaupun dia tidak dapat menumpukan taat setianya pada tanah air, dia berharap agar kau dapat berbuat demikian. Waktu ini tidaklah ibu tahu sama ada ayahmu masih hidup atau sudah ma.....ti, Din." Ibu mengakhiri ceritanya dengan linangan air mata yang tergenang di pipi.

"Din, sekarang perkara yang sebenarnya telah pun kau ketahui. Terpulanglah pada kau untuk tetap menerima ayahmu atau . . . . . kau . .. . Kata-kata ibuku potong sebelum ia sempat ia mengakhirinya."

"Ibu, walaupun ayah musuh negara, namun ia tetap ayah Din. Din lahir ke dunia ini kerana setitik air maninyalah. Lebih-lebih lagi ayah menerjunkan dirinya ke kumpulan pengganas itu bukanlah dengan kerelaan hatinya. Bagi Din, dia tetap ayah Din walaupun buruk anggapan orang terhadapnya."

Hari konvokesyen pun tiba. Aku bersiap sedia untuk ke Kampus. Ibu, datuk dan nenek juga turut hadir. Di halaman Dewan Tuanku Canselor kelihatan ramai siswa-siswi dengan jubah masing-masing. Di wajah mereka jelas membayangkan kegembiraan yang tidak terkira. Begitulah juga dengan ahli keluargaku. Ada yang bergambar untuk dijadikan kenangan. Alangkah bahagianya jika ayahku turut serta di hari yang bersejarah ini. Tiba-tiba,

"Eh! Din, Wah . . . . . bertambah segak aku lihat kau ni, bagaimana perasaanmu, tentu gembira?" begitulah sapaan teman seperjuanganku, Idah. Aku lihat akan ayah, emak dan ahli keluarganya yang lain. Ketika itu aku teringatkan pada jantung hatiku,Liza yang berada di kampung.

Jika dia isteriku, sudah tentu dia pun turut sama dihari ini untuk melihat penerimaan ijazah yang bakal diterima. Aku menegur Siti, teman se Kampusku.

"Asyik sangat baca suratkhabar tu. Apa beritanya."

"Biasa saja, berita tentang komunis yang ditembak mati di sempadan," jawab Siti ringkas.

"Komunis ditembak mati!" Tersirap darahku.

Pita otakku merakamkan kata-kata Siti tadi. Aku merampas akhbar di tangannya. Aku baca berita itu yang berbunyi, "Seorang angota komunis operasi 44 yang bergiat di sempadan Malaysia-Thai telah ditembak mati semasa merayau-rayau mencari makanan. Dia adalah ketua operasi yang dikenali dengan nama Mat Arip Dol atau nama sebenarnya Shariff Abdullah," jantungku seolah berhenti berdenyut.

"Ayah..... ayah," aku menyebut perlahan-lahan. Air mata basah mengalir di pipiku. Oh Tuhan! Mengapakah KAU suratkan nasib hambamu ini begini," seduku. Siti berkata,

"BODOH sangat kau ni. Menangisi kematian orang yang telah belot pada negara, mati adalah lebih baik bagi mereka.

"Aduh! Pedihnya kata-katamu Siti, tidak kau ketahui bahawa dia adalah ayahku, ayah yang ku rindu selama ini. Ibu kemudian merapatiku dan bertanya,

"Apa sebabnya kau menangis Din, mengapa?"

"Ayah bu, ayah! Din tidak akan menemuinya lagi. Ayah telah meninggalkan kita selama-lamanya, bu. Ayah telah meninggal.....bu!" Tiba-tiba tangisku terhenti,

"Ibu, haruskah Din meratapi pemergian ayah? Perlukah Din menangisi kematian seorang pembelot bangsa dan negara?" Tanyaku secara sepontan pada ibu. Soalanku tidak dijawab oleh ibu dengan segera dan aku dapat rasakan bahawa soalanku itu amat memeranjatkan ibu. Kemudian,

"Din, kau sebagai seorang rakyat yang setia pada raja dan negara kau tidak perlu bersedih akan kematian ayahmu. Tetapi sebagai anak yang soleh, yang menjadi kewajipan mu membacakan surah yassin dan Fatihah agar lega rohnya di dalam menempatkan dirinya di sisi Allah," jawab ibu dengan sedunya.

Setelah tenagaku kembali terkumpul, aku pun melangkah masuk ke Dewan Tuanku Canselor. Ibu duduk dibahagian jemputan. Tidak berapa lama kemudian penyampaian ijazah pun diberikan pada mahasiswa dan mahasiswi Sarjana Muda Ekonomi. Bila tiba giliranku, aku pun melangkah dengan bangganya. Air mata mengalir di pipi. Menangis kerana kematian ayahku yang tidak pernahku tatapi dan menangis kerana kejayaanku mendapat ijazah. Di sudut hatiku, aku berkata, "Ayah! Lihatlah segulung ijazah idamanmu telah Din miliki. Din berjanji akan menggunakannya untuk bangsa dan tanahair. Akan Din curahkan bakti Din pada nusa untuk menebus kembali dosa ayah kerana membelot"

Bawah sedar aku berdoa,"Ya, Allah, tempatkanlah ayahku didalam golongan umatmu yang beriman. Ampunkanlah akan segala dosanya." Doa kudusku akhiri buat ayah tercinta. Hanya sekalung Fatihah dapatku berikan padamu ayah.

(Yang pergi, biarlah ia pergi. Usahlah dikenangkan orang yang telah pergi)

PENA IMAJINASI
TAJUDDIN HUSSAIN,
5 Sastera 1

HANYA TINGGAL KENANGAN

"Ringgg..! " Kedengaran deringan terakhir loceng tanda tamatnya waktu persekolahan. Aku bergegas turun ke tempat menyimpan basikal. Dari jauh ku lihat rakan ku Madi telah sedia menunggu.

"Eh! Mana Raden ni, lambat lagi ke?" Soal ku kepada Madi apabila salah seorang rakanku masih tidak kelihatan.

"Dia kata hendak ke tandas tadi." Jawab Madi tenang. "Ah ! Itu pun dia." Sambung Madi kemudiannya.

"Hoi ! "Cepatlah sikit. Perut aku dah lapar ni. " Teriakku apabila melihat Raden berjalan perlahan-lahan.

Raden kemudiannya berlari-lari anak datang. "Hei sorrylah, perut aku tak tahan tadi. Okey, Jum kita balik." Raden memujuk hatiku yang mulai panas.

Kami pun mengayuh basikal pulang ke rumah. Lalu lintas agak sibuk. Kami tidak berkata sepatah apa pun. Masing-masing menumpukan perhatian ke arah jalan raya. Takut terjadi sebarang perkara yang tidak diingini. Sehinggalah kami sampai ke arah satu persimpangan baharulah kami bersuara.

"Hei, kamu kata petang ni ada latihan bolasepak. Betul ke?" Suara Raden memecah suasana.

"Yalah, pukul empat petang ni. Kau dengan Madi mesti datang."

"Baiklah tuan bolasepak" Sindir Raden ke arah diriku. Sememangnya aku ketua pasukan bolasepak di sekolahku.

"Dengan sekolah apa kita akan bertanding nanti?" Raden menanya lagi.

"Aku pun tak berapa pasti. Mungkin dengan sekolah Menengah Victoria atau dengan Sekolah Tinggi Setapak." Terangku kemudian.

"Kenapa kau tanya?" Soalku pula kepada Raden.

"Tak ada apa-apa. Saja aku nak tanya. Apa kata orang "Be Prepared" Raden tertawa besar. Aku hanya tersenyum dan terhibur dengan telatahnya itu.

Suasana kembali sunyi. Yang kedengaran hanyalah nafas masing-masing yang telah mulai sesak. Kepenatan.

Aku toleh mukaku ke arah Madi. Ku lihat mukanya muram dan seakan terkenangkan sesuatu.

Apasal ni ? Ganjil kau ku tengok hari ini Madi." Dia tersentak dan menoleh ke arahku.

"Tidak ada apa-apa Zaini. Aku hanya teringatkan peperiksaan kita yang semakin hampir ni. Siapa yang tak risau kalau belum bersedia sepenuhnya. " Madi menerangkan kepadaku.

Aku hanya mengiakan kata-katanya itu. Lalu terkenangkan hari peperiksaan yang akan menjelang tiba.

"Hei Zaini, kami dah sampai. Kami pulang dulu okey. Lalu mereka pun membelok ke satu simpang. Rumah Raden dan Madi tidak berjauhan. Rumahku pun hanya beberapa rantai dari rumah mereka. Mereka mengangguk lemah. Seketika kemudiannya aku pun sampai ke rumah lalu disambut oleh ibuku.

"Lambat kau sampai hari ni Zaini dan mak tengok kau tergesa-gesa sahaja. Kau nak ke mana pula." Tanya ibu lembut.

"Ada latihan bolasepak petang ni Mak. Zaini kena pergi sekolah semula." Selepas mengisi perut dan menunaikan solat Zohor, aku pun bertolak. Madi dan Raden telah ada di simpang itu. Kami pun berangkat pergi.

Awan di langit semakin lama semakin menebal gelap. Matahari yang tadinya garang, kini telah hilang dari pandangan. Kami terus menumpukan perhatian kami kepada latihan terakhir ini sebelum kami semua dipilih untuk mewakili sekolah.

Hujan rintik-rintik telah mula berguguran. Dentuman guruh yang awalnya sayup-sayup telah mula bergema.

Kami terus leka bermain dan tidak menghiraukan keadaan sekeliling kami. Tiba-tiba satu dentuman yang kuat dan terlalu amat luar biasanya bergema. Aku sendiri rasa terpelanting. Kepalaku rasa berpinar-pinar. Aku lihat di tengah padang dua bujur tubuh seperti rentung terkulai di atas rumput. Aku ngeri dan gementar kerana salah seorang itu ku rasa amat kenal. Perlahan-lahan aku bangun dan melangkah kakiku lemah longlai ke arah tubuh yang terbujur kaku itu.

"Ya Allah !" Hatiku berbisik. Suaraku seakan-akan tersekat di kerongkong dan aku benar-benar telah mati akal. Salah seorang yang terbujur itu adalah Madi manakala seorang lagi ialah rakanku berbangsa India, Mahendran. Aku tak dapat menahan hiba hatiku. Air mataku bercucuran jatuh ke bumi.

"Raden, pergi panggil ambulan cepat." Aku telah mula dapat berfikir.

"Ah ! Tak ku sangka latihan terakhir ini merupakan hari terakhir bagimu di dunia ini rakanku." Getus hati kecilku. Aku telah tidak dapat menahan sebak di dada dan kemudiannya aku menjadi fana dan aku..... tak sedar apa-apa lagi. Aku pengsan.

"Zaini ! Zaini !, bangun nak. Ni Mak ni." Sayup-sayup aku terdengar satu suara memangil namaku. Perlahan-lahan aku membuka mata Ku lihat sekeliling dan aku tersentak

"Di mana aku berada sekarang? Hidupkah aku lagi atau sudah mati?" Seketika kemudian baharulah aku sedar yang aku masih bernafas lagi di dunia ini. Aku kini berada di hospital dan dikelilingi oleh saudara maraku.

"Syukurlah nak, kau selamat. Alhamdulillah." kata ayahku memecah suasana. Aku cuba mengingati apa yang telah berlaku. Perlahan-lahan air mataku bergenang di kelopak mata.

"Mak, bagaimana dengan Madi Mak. Dapatkah ia diselamatkan?" Tanyaku kepada ibu.

"Dia dah pergi nak. Tuhan lebih sayangkannya. Bersabarlah nak." sampuk ayahku. Ibuku seperti terkancing mulutnya hanya diam membisu.

"Innalillahi wainnailaihi raaji'un." Kata hati kecilku.

Keesokan harinya aku dan Raden berserta keluarga dan sahabat handai yang lain menghadiri pengkebumian Madi. Suasana ketika itu sungguh memilukan. Aku hanya membaca beberarapa ayat suci untuk menutup kesedihanku. Seorang lagi rakanku yang ditimpa bencana, Mahendran telah selamat disempurnakan mengikut adat resam kaumnya. Lewat hari itu aku hanya terkenangkan tragedi yang menyayatkan hati itu. Kepergian Madi yang tidak disangka-sangka sungguh sukar untuk aku lupakan. Kata-katanya sewaktu berkayuh pulang dari sekolah dahulu masih terngiang-ngiang di telingaku. Harapanmu kini hanya menjadi harapan dan kenangan. Madi yang telah lama ku kenali telah pergi dan tiada akan gantinya. Semuanya itu hanya tinggal kenangan sahaja. Aku sering berdoa agar ia mendapat tempat yang baik di sisi Allah. Al Fatihah.

HASIL PENA : KAMSAINI KAMARUDDIN
5 Sains 1

"SUATU PERISTIWA YANG NGERI"

Malam itu bulan terang dan cuacanya sungguh nyaman. Aku bersama kawan-kawanku dalam perjalanan pulang ke rumah selepas menonton wayang gambar disalah sebuah panggung wayang yang terkenal di Kuala Lumpur iaitu Federal. Jam sudah menunjukkan pukul sebelas setengah malam.

Kami sangat dahaga dan mencari-cari kedai minuman. Tetapi kami masih lagi belum dapat mencari kedai minuman. Oleh yang demikian kami mengambil keputusan untuk pulang ke rumah sahaja.

Kami mengambil jalan yang singkat atau 'short cut' . Perjalanan itu sungguh jauh dan berliku-liku. Di tengah perjalanan, kedua-dua kawanku telah pergi menuju ke rumah masing-masing. Kini aku sendiri yang menghadapi jalan yang sempit dan dipenuhi hutan belukar di kiri kanannya.

Keadaan pada malam itu sungguh mengerikan. Nun jauh di sana aku dapat melihat cahaya lampu yang malap. Nampaknya aku akan sampai di sebuah kampung. Kemudian aku melangkah dengan cepat. Apabila sampai di kampung itu aku dapati rumahnya jarang-jarang dan setengahnya gelap gulita. Agaknya mereka sudah tidur dengan mimpi-mimpi yang indah.

Tiba-tiba keadaan menjadi gelap. Aku memandang ke langit dan kelompok awan hitam telah menghalang cahaya bulan dan angin mula bertiup dengan kencang. Aku tahu hujan akan turun bila-bila masa sahaja. Aku pun mengaturkan langkah dengan laju.

Sedang aku berjalan dengan cepet, aku terdengar suara orang bertengkar. Suara seorang lelaki yang garau dan suara seorang perempuan yang nyaring. Suara itu datang dari sebuah rumah yang terletak agak jauh dari kampung itu. Lampu masih menyala dan aku mendekati rumah itu untuk melihat apa yang sedang berlaku. Aku mencari celah-celah di mana aku dapat melihat apa yang berlaku di dalam rumah itu. Aku menjumpai sebuah lubang kecil dan dapat melihat menerusi lubang itu. Aku melihat seorang perempuan sedang bergelut dengan seorang lelaki yang bengis mukanya.

Pada masa itu hujan mula turun dengan lebatnya. Aku terus melihat di sekeliling rumah itu dan dapati dua mayat terbujur kaku di atas lantai. Kedua-dua mayat itu berlumuran dengan darah.

Aku mengalihkan pandanganku ke arah lelaki tersebut.

Aku terkejut.....lelaki itu tidak ada di situ lagi dan perempuan itu pula jatuh tersungkur di atas lantai dengan sebilah parang tercacak di perutnya.

Ketakutanku mula memuncak. Aku menoleh kebalakang dan hendak lari menelefon Polis. Tetapi sebaik sahaja aku menoleh ke belakang, lelaki itu sudah berada di hadapan mataku.

Mukanya yang bengis itu memandangku dengan perasaan yang marah dan benci. Pandangannya serta badanku yang basah kuyup membuatkan diriku mati akal buat sementara waktu. Tiba-tiba dia menerkam ke arahku. Aku mengelak dan melarikan diri. Orang itu bangun lalu mengejarku dari belakang.

Tanah di kampung itu tanah liat dan ini menyukarkan aku untuk berlari. Aku berlari sekuat hatiku. Sambil itu aku menjerit meminta tolong.

Beberapa ketika kemudian, aku melihat beberapa orang kampung memerhati keluar melalui tingkap. Aku terus menjerit meminta tolong. Aku tidak menyedari bahawa beberapa orang telah bersepakat untuk menolong aku. Orang yang mengejar aku telah mendekatiku dan menerkam ke arahku. Dia mencekik leherku dengan tangannya yang besar. Aku cuba melawan, tetapi ternyata sekali dia lebih "berpengalaman" dariku.

Walaubagaimanapun, penduduk-pendudun kampung itu telah datang menyelamatkan aku. Orang itu ditangkap dan diserahkan kepada pihak Polis. Aku mengucapkan terima kasih atas pertolongan mereka.

Pada keesokannya, seorang Inspektor datang ke rumahku dengan sekeping surat beserta dengan suratkhabar. Dia menyampaikan surat tahniah itu dan menunjukkan peristiwa yang berlaku semalam di suratkhabar itu.

Setelah membaca kesemuanya, aku dapati orang itu sebenarnya ialah seorang pembunuh yang dicari-cari oleh pihak Polis.

Mulai dari hari itu, aku tidak pergi lagi menonton wayamg pada waktu malam. Peristiwa itu masih lagi bermain di fikiranku ketika ini.

Bilakah ia akan luput dari ingatanku? Entahlah, masa sahaja menentukannya.

HASIL IMAJINASI : ABDUL RASHID
5 Sastera 2

BINGKISAN BUAT TEMAN SEPERJUANGAN

Perjuangan kembali muncul
Menjelang keselesaann
Berjuang kemegahan

Aku menyedari diri ini hina
serba kekurangan
Lantaran ku inginkan rahmatmu
Agar aku kembali tenang
Hingga sangkakala bergema.

Telah ku beri perwarisanku padamu
Jangan aku diapa
Lindungi diri sedetik seketika
Sehelai daun tanpa makna
Ke noktah hitam ke lembah, ke longkang

Pernah di hati terdetik berbisik manja
Tenang tika bila bersua
Tercatuk pula kata kuasa
Bukannya aku untuk menyiksa
Sezaman seperjalanan.

Dekad kedua bagiku kini
Untuk ku berjuang
Bersamamu berjuang
Aku pasti.....
Dikau berjuang
Selembar kertas segulung mutiara
Pesawat sejahtera

Permurahkan apa yang aku telan
Hanyutkan segala kekesalan siri ku
Hingga akhir zaman

Prinsip kata terdetik sendiri
Jangan berpadu di lidah yang kelu
Wasiat junjungan dijaga rapi
Kehadrat illahi seteru iman
Punya gembira, punya ketenangan

Hasil Pena,
Shaharuddin,
Tingkatan 5 Sains 2

"AYAH DAN IBU"

Ayah dan ibu.....
Budimu tak dapat ku balas
Walau hanya sebesar beras
Aku kau naungi dengan kasih mesra
Hingga mengenal erti hidup
Amat berbangga akan daku memiliki dirimu
Ayah dan ibu.....
Kejayaanku kau tangiskan
Aku dapat merasakan rintihan hati keduamu
Apakan daya aku ini insan lemah
Lemah dalam segalanya.....
Oh! tuhan, berikan aku kekuatan.
Berikan ayah dan ibu kegembiraan abadi.
kegembiraan abadi.

Curahan rasa:
Roslee
5 Sastera 4

"SUMBER ILHAMKU"

Malam itu.....
ianya "Sumber Ilhamku"
Latiff Ibrahim & SHarifah Aini
hero & heroin,.....bak
sepasang kenari memandu asmara
taip yang galak keketuk
bagai mengalpakan
percintaan yang saban waktu
meloyakan.....di titian qiamat ini.

Larut malam.....
menjadi sumber ilhamku
pena kutarikan
transister, nescafe susu dan embun jantan
bagai sumber.....hingga
aku kekenyangan dek ilham
jua tika itu.....ayahku
di wad Urologi & Nefrologi
sudah tiga hari
keseorangan.....selepas
semalam (Khamis, 9hb. Februari) dibedah
kata ibu.....berwasiat padaku
pergilah besok (Sabtu, 11hb. Februari) ziarahinya.

Balasku.....ialah
dengan Tajuddin & Saidin
tapi sebelum itu
malam ini (Jumaat, 10hb. Februari)
aku ingin meneroka
setiap sumber yang belum diilhamkan
supaya.....kelak nanti
diriku tidak diperjudikan Thoghut.

Ilham demi ilham.....kujelajahi
malah, umurku kian meningkat
kan besoknya (25hb. Februari)
tarikh hari lahirku.....Alhamlulillah
.....Ya Robul 'Alamin.....supaya
aku tidak fakir ilham & harta
meniti ke hari tua.

Tanya cikgu,
cikgu tahu.....
kan sumber ilham tu.....Allah yang punya?

Ilham Pena,
A. Rahim
5 Sains 2

"MASA"

Masa,
Engkau bagaikan emas permata
Yang tidak boleh dipersia-siakan
datangmu hanya sekali,
pergimu pantas sekali
mengikut edaran bumi.

Engkaulah yang berlalu,
Engkaulah yang menentukan
siang dan malam.....
hari dan waktu.....
Oh! tugasmu amatlah murni.

Masa,
Dalam datang dan berlalu,
kau diibaratkan keretapi
melungsur disetiap senja turun perlahan
meninggalkan kepulan asap
dan kesan jejak lalumu.

Dirimu tidak jemu bertugas
seperti ombak di laut
umpama mentari di langit tinggi
yang tak kenal erti penat
engkau patut disanjungi
dan dihargai.

Bakat terpendam:
Johari Abu Samah
5 Sastera 1

GURU

Guru!
Sungguh harum namamu
Sungguh mulia tugasmu

Tapi sayang!
Bukan semua kewajipanmu
Sungguh mulia tugasmu

Tapi sayang!
Bukan semua mengertimu
Hanya satu dalam seribu

Kaulah!
Yang maha penyayang
Yang maha pengasih
Dan yang maha dalam segalanya

Tahniah!
Sejujur hatiku
Walaupun namamu tidak dicatit
Tapi sentiasa dalam sanjungan

Manogarajan
1 Aurrum

"PERPISAHAN....."

Usia remaja menjangkau tiba
jika tawa riang terukir di bibir
usah lupa kita.....
duka tidakkan menyepi
walau seketika ia akan datang jua
menghiasi empat ruang hati.

Taulanku.....
Hati ini harus punya keyakinan,
ketabahan, kecekalan dan semangat waja
untuk kita capai kejayaan.
Ingatlah!
Ayahanda punya kesetiaan
menanti di ambang pintu.....
Ya,.....
nantikan sijil kejayaanmu.
Kini detik-detik yang tidak pernah diundang
kan tiba dan semakin tiba
ya, perpisahan'.....
iakan memisahkan antara kau dan aku
antara aku dan mereka,.....
Ah!
Pedihnya perpisahan itu.

Taulanku.....
Hanya satu pintaku
sekiranya kita berpisah
kenanglah kenangan indah
di M.B.S. Sentul
di mana ia merupakan alam terindah
sukar untuk dilupakan.....

Akhir kata dariku:—
Tika titis embun berjatuhan
suara azan meruangi berjatuhan
angin lalu membisikkan
hati rindu T.G.S. selalu.....

"Sesungguhnya perpisahan itu adalah satu penderitaan yang sekali. Namun ia bukanlah kehendak kita. Ia hanya pemberianNya kepada makhlukNya".

Nukilan rasa:—
Tajuddin Husin
5 Sastera 1

"SYAIR SI ANAK ZAMAN

Lorong dijejak pagi nan nyaman
destinasi dituju si anak zaman
hari dicabar penuh keazaman
warisan cendi cuma diangan.

Saujana kaum si anak zaman
murtad Din dalam pergaulan
dilumuri situasi anika kenangan
si anak zaman beri senyuman.

Akhlak dan disiplin sengaja dialpa
si anak zaman punya angkara
srikandi bernasihat deminya masa
si anak zaman punya an bangsa

Insan leka bala dan laba
si anak zaman dibela tiada
harapkan diberi ajaran agama.

Si anal zaman dikerling cuma
senyumnya diberi zahirnya saja
salahnya tak dibicara
tangis batin sumpah dimentera.

Bukan dikeji bukan nak taja
kisah nyata masih berada
kelana dimulia mata dibuka
si anak zaman fakir di dunia.

Wahai srikandi kau maklumi
suara kami pohon dipayungi
doanya kami minta dihujani
rahmat dan jaya diwarisi

Suara Batin:
A. Rahim Udin
5 Sains 2

MASALAH JALANRAYA DI NEGARA KITA

Sesebuah negara yang sedang membangun seperti negara kita, Malaysia, memerlukan satu sistem jalanraya yang baik. Ini merupakan salah satu faktor asas dan terpenting bagi menjamin setiap rakyatnya akan mendapat kemudahan yang sewajarnya dalam usaha untuk mencapai matlamat pembangunan sebagai yang telah dirancangkan.

Di dalam Rancangan Malaysia Ketiga dicatitkan bahawa sebanyak $1,2778 juta telah diperuntukkan untuk pembangunan jalanraya di Semenanjung Malaysia tidak termasuk peruntukkan yang disediakan untuk negeri-negeri Sabah dan Sarawak. Jadi dapatlah dibayangkan betapa besarnya harapan kerajaan untuk membangunkan negara dan rakyatnya menerusi pembinaan sistem jalanraya yang terbaik dan moden.

Dengan sistem jalanraya yang baik dan meluas ke serata ceruk negara tentunya akan melicinkan lagi sistem pengangkutan dan akan memudahkan pengedaran dan pergerakan seseorang ataupun sesuatu benda yang lain dari satu tempat ke tempat yang lain. Ini tentunya akan mempercepatkan perkembangan ekonomi rakyat negara ini. Tetapi biasanya memang telah menjadi lumrah dunia, sesuatu yang baik ada buruknya dan sesuatu yang buruk ada baiknya. Begitulah juga keadaannya dengan jalanraya kita, di samping merupakan batu loncatan kepada pembangunan negara ia juga telah menagih pengorbanan yang besar bukan sahaja dari segi kewangan untuk membinanya, malah jiwa dan harta benda menerusi berbagai kemalangan yang telah berlaku setiap masa di kalangan penggunanya.

Boleh dikatakan setiap hari ada tersiar berbagai berita kemalangan di muka-muka akhbar. Jika tidak satu kejadian, mungkin beberapa kejadian kemalangan dilaporkan dalam sehari. Jika dikira mengikut hitung panjang sebanyak 21,033 kemalangan berlaku dalam setahun. Ini merupakan angka yang besar jika dibandingkan dengan punca-punca kemalangan yang lain di negara ini. Faktor utama kemalangan berlaku selain daripada kesalahan mekanikal, binatang-binatang dan lampu jalan adalah juga perpunca dari manusia sendiri. Manusia sendirilah yang telah mencipta kemalangan yang begitu banyak sepanjang tahun, di samping itu manusia sendiri pula yang telah mencurahkan wang untuk pembinaan jalanraya yang baik.

Pihak kerajaan sendiri telah menggunakan berbagai cara untuk mengurangkan kemalangan dari berlaku walaupun mungkin tidak dapat mengatasinya sama sekali. Ini ketara sekali melalui "Kempen Keselamatan Jalanraya" yang dianjurkan setiap tahun. Kempen ini tidak akan berjaya jika terdapat kurang penyertaan masyarakat di dalam kempen tersebut. Ada diantara kita yang tidak sedar bila masanya kempen tersebut di lancarkan setiap tahun. Apabila keadaan ini wujud, tentu bilangan kemalangan yang berlaku tidak akan berkurangan, malah mungkin akan lebih tinggi lagi.

HASIL CORETAN,
NAGALINGAM
4 Sastera 2

"MENINGKATNYA KEMALANGAN DI JALANRAYA"

Saban hari, kita boleh mendapat berita mengenai kemalangan di jalanraya. Memandangkan betapa buruknya akibat kejadian tersebut dan sebagai seorang pengguna jalanraya, adalah menjadi tanggungjawab kita atau pihak yang berkenaan untuk mengambil langkah-langkah yang berkesan bagi mengatasi kemalangan jalanraya yang semakin meningkat.

Jika diperhatikan dengan teliti, dapat kita ketahui iaitu ramai diantara pemandu-pemandu di Malaysia suka memandu dengan laju. Inilah yang menjadi salah satu punca kemalangan jalanraya. Untuk mengelakkan keadaan ini, pihak Polis harus mengambil tindakan yang sewajarnya ke atas pemandu-pemandu itu. Mereka boleh menggantung lesen pemandu sekiranya pemandu itu sudah melakukan kesalahan sebanyak dua kali.

Ada kalanya, kita dapati sebilangan pegawai di "sekolah memandu" dan Jabatan Pengangkutan yang makan suap terhadap orang yang datang belajar memandu dan megambil ujian. Sekiranya kejadian ini tidak diatasi, maka ramailah nanti kedapatan pemandu "yang setengah tong" sebagaimana kata pepatah orang-orang Cina di negara kita. Ini bukan setakat membahayakan nyawa pemandu itu sendiri, bahkan harta serta jiwa orang lain jika berlakunya sesuatu kemalangan. Oleh itu, pihak kerajaan harus mengambil berat tentang perkara ini agar ia tidak akan timbul lagi.

Selain daripada itu, kegiatan berlumba kereta atau motosikal yang haram patut diberhentikan atau disekat. Hukuman yang berat haruslah diberikan kepada orang-orang yang memperjudikan nyawa itu. Di samping itu, pemilik-pemilik kenderaan mestilah selalu memeriksa kendaraan mereka untuk menjaminkan kenderaan itu berada dalam keadaan yang baik.

Tanda-tanda isyarat patut dipasangkan atau ditulis di kawasan yang sesuai dengan terangnya. Cogan kata boleh juga dipasang atau ditulis di tiang-tiang atau tempat lain di sepanjang jalanraya. Ini dapat mengingatkan pemandu-pamandu mengenai padahnya kemalangan jalanraya. Begitu juga dengan risalah-risalah atau poster-poster. Mereka harus diedarkan kepada pemandu-pemandu.

Selain daripada itu, pengguna jalanraya yang berjalan kaki juga harus berjaga-jaga. Contohnya, mereka mesti melihat lampu isyarat dan mematuhinya (jika ada) sebelum melintas jalanraya. Bagi mereka yang berjalan pada waktu malam, adalah lebih baik jika memakai pakaian yang bewarna cerah.

Langkah-langkah yang boleh diambil itu bergantung kepada diri kita sendiri. Saya harap agar semua pihak akan bekerjasama demi kepentingan semua orang.

HASIL PENA
LOW LOON CHUAN
3 Beta

MENUMPANG KASIH

Norhayati duduk sendirian. Matanya terpaku ke arah cahaya mentari yang perlahan-lahan menghilangkan diri di balik bukit sana.Jarak bukit dari tingkap dapur rumahnya kira-kira satu kilometer. Sungguh jelas panorama di sekitar kaki bukit dapat dilihatnya. Amat indah dan permai. Dari jauh ianya kelihatan kebiru-biruan.Ya, sungguh indah sekali.

"Oh! Alangkah seronoknya jika berada di tempat yang sungguh indah seperti itu," keluh Norhayati. Tiba- tiba airmatanya mula membasahi pipinya. Ingatannya melayang pada peristiwa pahit yang pernah dialaminya suatu ketika dahulu. Di waktu petang beginilah peristiwa itu berlaku. Waktu itu dia baru balik dari sekolah. Dia menangis tersedu-sedu di sisi ibunya yang sakit tenat dan terlantar di katil hospital.

"Sayang jangan menangis lagi, " kata emaknya dengan lemah sambil memegang erat tangan Norhayati."Bang... kalau Aini pergi...carikanlah seorang ibu yang baik untuk Yati ya..." suara emaknya semakin lemah sehingga tidak kedengaran lagi.Ayahnya yang berdiri di sisinya mengangguk dengan perlahan. Suasana sepi, tiada kedengaran nafas ibunya . Ibunya telah pergi buat selama-lamanya.

Sejak peristiwa itu kehidupannya telah berubah. Meskipun telah tujuh tahun berlalu namun dia tidak dapat melupakan peristiwa pahit itu. Selang beberapa lama kemudian ayahnya telah berkahwin dengan seorang janda yang mempunyai seorang anak laki-laki yang berumur sepuluh tahun lebih tua dari Norhayati. Walaupun ibu tirinya tidak menganggap Norhayati sebagai anak kandung tetapi anaknya Yusuf tetap menganggapnya sebagai anak kandungnya sendiri.

"Norhayati!" Dia tersentak. "setan! Aku suruh engkau masak nasi...Apa kau buat itu hah! Sedang fikirkan jantan engkau?" Tengking ibu tirinya sambil bercekak pinggang. Dengan perasaan sedih dan pilu Norhayati segera membuat apa yang disuruh oleh ibu tirinya.

"Minah...kenapa marahkan Yati macam tu? Tak sedap didengar oleh orang lain," kata ayahnya dengan perlahan. Ayahnya sakit ketika itu.

"Kau diam! Aku berhak memarahinya kalau dia salah!" Suaranya meninggi. Ayah tunduk diam sahaja.

Pada suatu ketika dahulu setelah dimarahi oleh ibu tirinya Norhayati menangis teresak-esak. Yusuf tidak tahan melihat keadaan itu. "Mak, Yati adalah budak baik. Apa salahnya? Mak sengaja marahkan dia tak tentu pasal. Kenapa mak?" Yusuf cuba mempertahankannya.

"Wah dah besar sekarang. Berani melawan mak ya! Biadap! Kau diam! Jangan kau campur!!!" Emaknya menengking anaknya sambil tangannya memukul meja dengan kuat.

Tanpa sepatah kata Yusuf masuk ke biliknya. Sebentar kemudian dia membawa

beg pakaiannya. Norhayati nampak Yusuf mahu keluar lantas dia bertanya, "Abang hendak ke mana?".

"Abang mahu keluar dari rumah ini. Abang sudah tidak tahan melihat keadaan seperti ini. Lebih baik keluar daripada melihat Yati dimarah, " kata Yusuf sambil menatap wajah Norhayati.

"Yati, abang tidak tahan tinggal di rumah ini lagi. Abang telah buat keputusan untuk pergi jauh dari sini. Yati jangan menangis. Kalau Yati perlukan bantuan tulislah surat pada abang," pesan Yusuf. Setahun kemudian Yusuf telah berpindah ke Kuala Lumpur dengan pekerjaannya yang baru. Dia tetap mengutus surat pada Norhayati sambil memberi galakan belajar dan sentiasa bersabar.

Semasa Yusuf berada di rumah dialah yang sering mempertahankannya bila dimarahi ibu tirinya. Kini Yusuf sudah pergi jauh. "Sampai hati abang tinggalkan Yati..." Yati menatap sendirian. Setelah selesai memasak tiba-tiba;

"Wah...! Tiap kali aku marahkan dia kau menyebelahinya. Menyampah aku..." Ibu tirinya menjerit dengan kuat ke arah ayahnya yang sedang sakit.

Buat pertama kalinya Norhayati bersuara, "Mak ! Jangan marahkan ayah. Ayah sakit. Mak boleh marahkan saya. Apa-apa saja... Tapi janganlah marahkan ayah."

"Wah!!! Sudah pandai melawan aku ya... Kurang ajar!!! Hei!!! Jangan kau panggil aku emak. Aku ini bukan emak engkau tahu tak?" Tengking ibu tirinya. "Pergi keluar dari rumah ini !!! Berambus cepat...!!!

"Minah, jangan kau marah anak aku..." kata ayah lemah.

"Kau diam! Diam! Aku yang berkuasa dalam rumah ini. Jangan campur! Hei setan, pergi keluar dari rumah ini sekarang juga! Pergi! Pergi!!!

"Ya, Yati akan pergi kalau itu kehendaknya..." menangis teresak.

"Yati jangan pergi... jangan tinggalkan ayah. Ke mana kau nak pergi Yati..." tanya ayahnya tersekat-sekat suaranya.

"Apa boleh buat ayah. Yati terpaksa pergi. Yati akan ke Kuala Lumpur ayah. Hanya pada abang Yusuf sahajalah tempat Yati mengadu." Terang Norhayati pada ayahnya. Ayahnya tak berkata. Diam cuma memandang ke arah Norhayati.

"Ayah, Yati minta izin untuk pergi. Suatu hari nanti, Yati akan balik untuk menemui ayah. Selamat tinggal ayah...."

Norhayati keluar dari rumah melangkah kaki memulakan kehidupan baru dengan mengharapkan seribu janji di hari muka.

HASIL KARYA,
THANG WAI KONG
2 Beta

PANTUN GELAGAT 1 BETA

Ini ada satu cerita
Kisah dari 1 Beta
Penghuninya semua bijak-bijak belaka
Bila ditanya semua menganga.

Kami terdiri berbilang bangsa
Pendek kata semuanya ramah
Berpegang janji berteguh kata
Bersatu teguh bercerai musnah

Bermula dari ketua kami
Orangnya tegap macam besi
Orangnya segak dan tinggi
Badannya tegap macam besi
Tapi selalu kena buli

Mohd Kamal nama diberi
Suka belajar Pendidikan Jasmani
Bijak dalam perli memerli
Minat dalam budi membuli

Kini giliran Sani pula
Badannya gempal tapi pemalu
Nampak macam pendiam sahaja
Naik angin menjerit selalu

Azlee orangnya pendiam
Memang bijak tentang agama
Bila ditanya bulan-bulan Islam
Mulalah dia garu kepala

Harun duduk di belakang sekali
Jastin pula duduk di tepi
Kalau mahu tahu cerita mereka ini
Suka bersembang pasal minaci

Tiba giliran Suresh Tambi
Suka maka kari dan capati
Cita-citanya tinggi sekali
Ingin menubuhkan koperasi ceti

Khairul Nizam ada kisahnya
Suka bermain sepakraga
Konon mahu menjadi pemain utama
Menimang bola tak sampai tiga

Jeffrery Soon di barisan ketiga
Waktu belajar suka berkhayal
Bila ditanya ternganga-nganga
Bila bangun terkial-kial

Azmir pula nama diberi
Rambutnya tegak macam duri
Poket seluarnya banyak sekali
Tapi semuanya tak pernah berisi

Begitulah gelagat kelas kami
Walaupun sedikit dibilang jari
Tapi perangainya tidak terperi
Namun pandai mengambil hati

Sebelum saya mengundur diri
Menutup tirai pantun bersenda
Jika ada terguris di hati
Maaf jua yang dipinta.

Azizi bin Abdullah
Tingkatan 1 Beta

I wish to narrate a Kampong story told by my grandmother which could be useful to us when we leave school to face the world. I could not find a suitable title to suit the story. However I am giving a few titles below that would help you choose one.

The story is as follows:-

Once upon a time there was a peaceful little Kampong. Through the Kampong, flowed a small river which served the people in their daily lives. The river looked very beautiful especially during moonlight nights, with its banks dotted with tall coconut palms and empty sampans. Any artist would have been tempted to paint the scenery on canvas had he come across this beautiful sight.

But peace in the Kampong was soon shattered by strange happenings which began to happen one by one. Cows, goats and other household pets began to disappear. The villagers began to wonder, but one day the grim truth dawned on them when a child was attacked by a crocodile. The crocodile was white in colour, a beautiful specimen but ferocious and had come to live in the river. It began to terrorise the Kampong folks. The people were frantic and no one dared go near the river. The young men even missed the sight of beautiful maidens who turned up to wash clothes and bathe in the river daily.

The villagers finally decided to call upon their village bomoh from the hills to settle the problem. The bomoh agreed to speak to the crocodile. (Some bomohs, I understand, can speak their language)

One fine morning the bomoh appeared on the banks of the river and summoned the crocodile and spoke to it. He warned the crocodile that if he wished to live in the river he must respect the villagers and their properties. The bomoh warned the crocodile that if it broke the promise he would skin it and sell its skin to the "Towkay" in the town. The crocodile agreed to abide by the promise. From that day onwards the crocodile would feed on fish and river products only, close its eyes and take a rest in the banks of the river, ignoring everything that happened around him.

Then the story began to take a different turn. When a small boy saw the crocodile sleeping quietly and peacefully, he threw stones on its head and the poor crocodile received swellings on its head. Then came a villlage maiden, who on seeing the crocodile sleeping quietly, removed her slippers from her dainty feet and hit them on its head and said, "Serves you right, you big thief"

Then passed a young man from the village with a buffalo. He removed the log around the buffalo's neck and tied it to the crocodile's neck to make it even more inactive.

Then came an old man with a 'tongkat' and when he saw the crocodile he poked the 'tongkat' into the under-part pf its belly where it hurt most and stepped on its head and said, "You big bully. We have taught you a lesson."

Then passed an old lady. Her mouth was filled with sireh. With a small bulge of sireh on the side corner of her wrinkled cheeks, she spat the whole messy stuff onto its eyes and shouted, "Kurang ajar". The poor crocodile sank into the river screaming.

The poor crocodile could take no more of the abuses so he called out to the bomoh to help him. The bomoh came and after hearing the crocodile's stories, he told the crocodile, "Next time if anybody hurts you, threaten him/her only but don't indulge in bodily harm. Don't break your promise".

This was what happened when the tormentors turned up again.

When the small boy came with a stone, the crocodile opened its mouth and showed its glittering teeth. The small boy ran away screaming. When the maiden came to hit it, it pulled the slippers from her dainty hands and swallowed them. She too ran away screaming.

When the young man came, it dragged him into the river and gave him a dip in the river. He ran away shouting that the crocodile was trying to drown and eat him. When the old man came with a 'tongkat', it pulled the 'tongkat' away from him and threw it into the middle of the river and he ran home limping. When the old lady came, it gave her a whip on her back with its tail and she ran away cursing.

Now the villagers decided to take action upon the crocodile again. They complained to the bomoh and he, after investigating, found the crocodile had only threatened them. The bomoh then accused the villagers of being trouble makers, and told them that the crocodile had only done things on his advice, and it meant them no harm.

The villagers were satisfied with the explanation given and regretted their misdeeds. From that day onwards they did not trouble the crocodile anymore and both parties then settled down quietly for years thereafter.

What is your title for this story?

Here are some suggested titles:-

1. The more you bend the more knocks people will land on your head.
2. Use friendly persuasion and not force.
3. Don't be submissive, stand up for your rights.
4. When you get a slap on your right cheek turn away your left to avoid another slap.

PREMMAN GOPAL
5 Science 1

MOST YOUNG PEOPLE OF TODAY KEEP LONG HAIR AND TAKE DRUGS

When we compare the youths of today with the youths of a few decades ago, we notice a distinct difference in their social life.

The youths of that time were brought up in a strict disciplined society. Today they enjoy more freedom and in some cases so much freedom that there seems to be a lack of parental control. They fall prey to bad influences and accquire atrocious habits.

The keeping of long hair is very fashionable among the males of today. The possibility of males outrunning their counterparts in the keeping and caring of long hair is predictable. There is absolutely no reason for young people to keep long hair. One does not need a Biology lesson to tell one that a lot of hair deters the loss of heat from the head. This causes the body temperature to rise. Furthermore long hair takes longer to dry and if not done properly, it can be a cause for influenza and headaches. Youngsters especially teenagers have the tendency to follow what is trendy and attempt to ape the rugged characters, clad in faded jeans and sleeveless T-shirts, sporting shoulder-length hair. This appeals to the majority.

Perhaps it is worthwhile to observe the character of these long-haired youths. Most of these "hippies" as they are popularly called are unemployed school dropouts idling away their time hanging around coffee bars, street corners and pool halls. Some are drug addicts. They are a nuisance to the neighbourhood. It is the duty of every citizen to try and find a solution to this problem.

Parents should have more control over their children by supervizing their activities and checking their attire. Unfortunately in this materialistic world, few parents are able to pay more attention to their children. Thus more children go astray.

Schools too should exercise strict discipline and take appropriate measures to ensure that students do not play truant, do not smoke and hang around unsavoury places. Constant checks on appearance should be kept. Schools should try make school life as interesting as possible such as organizing games and setting up clubs and societies as a means of absorbing the energies of youths in a worthwhile manner.

Another serious problem which is related to young people is the consumption of drugs. The number of young addicts is increasing day by day and has already shaken up the foundations of a stable society.

Most addictions are due to the influence of unscrupulous 'friends'. However if a person has a strong will power, he will not venture into such nefarious activities.

Drugs like tranquillizers are taken to calm the nerves. Some people take them while preparing for examinations and some before appearing on stage. Drugs are not an answer to emotional problems. Tranquillizers taken in small doses under medical guidance do not produce harmful effects but in excess they become slow killers.

Drugs like heroin and morphine are fatal if consumed daily. They deaden the whole nervous system and prevent a person from feeling pain. They make him sleep or go into a coma. It has become a social problem. It needs tremendous co-operation amongst parents, schools, the police and the social workers to overcome it. We would like to think that this long battle is surely and steadily coming to a surmountable end. Youths must be saved from the clutches of evil for the future of a country depends on the youths of today.

P. CHANDRAN
5 Science 1

THE GOD IS MADE OF FLESH AND BLOOD

Men have been fascinated by space since time immemorial. What did those pin-points of light in the heavenly sky mean? Could the light be the home of the gods who once visited us and created us by the deliberate mutation.Did they enoble hominids in their image? That is why we resemble them-not they us. May be their visits to earth were recorded and handed down in religious beliefs, mythology and legends. Rock painting and sculptures of primitive peoples still remains as unexplained mysteries. Could they be the evidence of alien presence on earth millions of years ago?.

It is not our fault if we find painted gods on cliffs and caves, wearing suits like astronauts with helmets and antennas. We don't know how Enoch and Elijah disappeared into heaven in a fiery chariot. The Turkish Admiral Piri Reis in 1513 made maps of the world. He mapped accurately the locations of North America and South America and the outlines of Antartic which were already covered with thick blankets of ice long before he was born. We do not know how various flying machines were quite accurately described in 230 Sanskrit, versions, 5000 B.C. According to Maori legends the Thunder god (Tana) battled in space with lightning. How did the Egyptians and Mayans conduct advance surgery and brain transplant in the year 3500 B.C.? How did Peruvians manage to lift tons of boulders to construct pyramids? The prophet Ezekiel had his encounter with spaceships which he described with such accuracy that a NASA engineer of our own day was able to reconstruct it. Nevertheless the ancient tales and stories about pyramids, sphinx, Summerian calender, flying dragons, the stonehenge and the perfectly rounded stones from Equador do not stem from the pens of great authors. How did our ancestors know about flying machines, advance surgery, the mummyfying of a body and astronomical calenders? These miraculous phenomena were certainly surprisingly there. Who was behind all this? Could the alliens be the answer. We have the vidence that the invention, planning and manufacture of flying vehicles did not take place in this globe. That is why I say that the gods did fall from the heavee (space).

I now put forward a theory to support my argument. Not long ago the world witnessed the drama of a crippled American space craft being nursed back to earth. Now supposing that it had landed on another planet in the same stage of development as earth was 50,000 years ago. What would the astronauts have thought about the inhabitants. What evidence of their stay would they have left behind? How would the inhabitants remember them in their myths, religion and art? The answer to these questions would exactly fit the vast number of unexplained mysteries on our planet. Our astronauts who have landed in the extra-terrestrial planet would try to communicate with the inhabitants there. Our astronauts would also try to improve the living standard of these inhabitants with the knowledge they possess. The astronauts would have looked for new minerals and elements. They would have split up rocks and boulders by laser-beams and other advanced technics. How then would the primitive inhabitants interpret what they have just seen. It may be something like this....."The heavens opened and a huge flying eagle descended on a glittering ray followed by a thundering noise. The night became brighter that day. The strangers have power over divine sun (the search light). They made the earth open (explosion to test minerals). Their bodies were white and shining (white suit). They dart lightning around them (using laser). Their voice is

very loud echoing far over the land (using lous speakers)". They would fear the happening and misinterpret it as a religious event. The mistakes would be perpetuated for generations. Eventually it would become unexplained legends and their ancestors would be accused of seeing visions.

We can draw a similiarity here. The gods who visited us would have mastered space travel. They would have been more advanced than us in molecular genetics, therefore they may have endowed our ancestors with intelligence consciousness, memory and physical skills by manipulating the genetic code. The alliens would appear to be a spirit, omniprevent, almighty and eternal.

I quote a passage from the book of Gilgamesh

"The land sent unknown radiant lightning devastating messenger of death, scorched by the fearful heat of the weapon men were boiled, turned to ashes and no, longer looked like human. Buildings and trees toppled in their raged fire, Chariots burned, grass and crops burnt to ashes." Such descriptions were also found in the Book Manva Parva (Peru) and the Vedas of India.

We can draw a parallel conclusion among the ancient classics of the west, Middle East, the Greeks and the far North in which their gods were of flesh-and-blood. Their loves and jealousies were as great as their hatred and intrigues. They drove carriages and engaged in earthy battles.

The almighty god is timeless. He knows no yeaterday, no today and no tomorrow! Believe me I have nothing against the gods, on the contrary I love them more with all their lovable weaknesses. Earthlings obviously mould their lives on that of their Gods. "Men must learn to understand, how the past has moulded his life, and will shape his destiny".

Murali
5 Science 1.

IN MANY CASES OUR PRESENT TYPE OF EDUCATION DOES NOT ADEQUATELY PREPARE A YOUTH FOR ADULT LIFE

Education is intended to make a youth realize his potentialities and his capabilities. It also moulds his character. It also equips him with knowledge that will be useful in the future. In time, he will be able to utilize all the knowledge he has gained in finding solutions to all sorts of problems. The ideal aim is to prepare him for the adult life when he has to deal with people more than with facts and figures.

Unfortunately our present type of education falls short of achieving its aim. The Malaysian educational system is divided into five levels of education. The first is the primary school. Then comes the lower secondary followed by the upper secondary. After that, we have the tertiary stage that is the university. Government examinations

are held at different stages to provide a norm for comparisons. The first government examination is the Standard Five Assessments. The next is the Form Three government examination known as the Lower Certificate of Education. Then comes the Malaysian Certificate of Education at Form Five. For the majority this is the end of their formal education spanning eleven years of their early lives. The minority who have achieved good results in their Malaysian Certificate of Education may pursue their education to a higher level.

This system appears to be well-evolved. It has its pitfalls though, due to the effects of government examinations. A large number of teachers are examination-oriented. To them, only good results are required. Hence, they regard this to be the most important criterion and not that of the character-forming. To make matters worse, many students have adapted this line of thinking too. They spend all their time and efforts studying and vying for good results to enable them to achieve their tertiary education, thereby paving the way for a good profession. As such they place the least priority on extra mural activities, sports and games. Such activities are relevant for the students' mental, physical and social development.

It has been proven by sociologist that the majority of students who involve themselves actively in extra-mural activities show a better academic performance. They also have more mature views and opinions. The capacity of socializing and understanding of human nature is better too. Eventually, they are the ones who form the pillars of our multi-racial society.

In ancient days, education means development of the faculties that exists in the mind; the ability to observe accurately, to think truthfully, to speak correctly and to write clearly. Today those who formulate our education policies would do well not to ignore these aims. A balance must be struck between the human aspects and the basic education. However, the fear is that our education which is directed towards economic growth and industrialization, would fail to promote understanding and a sense of humanity. The current system of education have produced people who are academically and professionally successful. Regretfully they are in most cases social failures. To whatever degree this is true, one cannot blame this system entirely for these unfortunate cases because there is yet another contributary element, namely, parental control and advice. Parental advice involves the indirect and unanticipated learning that occurs whenever the youth observes his parents and others in interactions. He learns the socially approved and disapproved behaviours. He would then master such mannerisms that are not taught in schools and colleges. It can be said that the family institution and education interpenetrates him. Parents, aided by education, assume the basic task in guiding him to his destiny with the right values.

Therefore, there must be effective co-operation between these two bodies in order to be adequate to nurture the youth for adulthood.

WONG TSUN WAI
5 Science 1

YOU ARE MY LOVE

Love, the little word is special,
That's how it has to be,
It's meant for someone,
Who means a lot to me.

Someone awfully nice to know,
And fun to be with too,
Someone who is wonderful,
And who happens to be you.

My every dream begins and ends,
With loving thoughts of you.

You're in my mind, you're in my heart,
Each moment of the day.
No one else in this world,
Can make me fell the way you do.

Rajender Singh
5 Arts 2

THE CHEMISTRY OF WOMEN IN THE YEAR 1984

Analysis of a creature known as "Women" as seen through the eyes of the chemist.

Symbol:	Wo
Accepted atomic weight:	120
occurence	Found wherever man exists

Properties:—

Physical:— Boils at nothing and freezes away in minutes; melts when properly heated; very bitter if not well used.

Chemical:—

Chemical:— Possesses great affinity for gold, silver, platinum and precious stones, Violent reaction when left alone; absorbs a great amount of food matter, Turns red when placed beside a better looking specimen.


